

**Jilid I
Bil. 109**



**Hari Isnin
10hb Disember, 1979**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979) [Ruangan 11783]

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 25 [Ruangan 11783]

Maksud B. 31 hingga B. 33 [Ruangan 11818]

Maksud B. 36 [Ruangan 11855]

Maksud B. 38, B. 41, B. 42 dan B 43 [Ruangan 11859]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979 [Ruangan 11783]

Jawatankuasa:

Maksud P. 25 [Ruangan 11783]

Maksud P. 27 [Ruangan 11790]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Maksud P. 28 [Ruangan 11796]

Maksud P. 29 [Ruangan 11817]

Maksud P. 31 dan P. 34 [Ruangan 11818]

Maksud P. 36 [Ruangan 11855]

Maksud P. 37 [Ruangan 11858]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ **Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- „ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUI JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).

Yang Berhormat TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KAT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).

- Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MOHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN Oo GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).

Yang Berhormat TUAN YANG CHOONG FU, (Kinta).

- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 10hb Disember, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1979)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 3) 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979) dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (7hb Disember, 1979).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Maksud B. 25 (Jadual)—

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan
(Tambahan) (Bil. 3), 1979—

Tuan Pengerusi: Pada masa Dewan ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu, Ahli Yang Berhormat yang akhir mengambil bahagian dalam perbahasan bagi menimbangkan Anggaran Perbelanjaan

Tambahan Pertama Mengurus 1979 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1979 telah berakhir dan sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka mengenai tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan berhubung dengan Kementerian saya semasa membahaskan ucapan tatkala membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 1979 bagi Kementerian saya pada hari Jumaat yang lalu.

Saya sukalah memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang saksama kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang saya akan memberi menafaat kepada negara dan rakyat.

Tuan Pengerusi, semasa membahaskan ucapan saya itu beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai kegiatan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan dan saya berpendapat bahawa ini adalah satu tanda yang baik, oleh kerana terdapat kesedaran Ahli-ahli Yang Berhormat tentang mustahaknya kesatuan pengguna-pengguna. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan yang mana Bahagian Hal Ehwal Pengguna di Kementerian saya sebagai Urusetianya telah

ditubuhkan pada tahun 1973 bertujuan untuk memberi nasihat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan pengguna. Selain daripada itu ianya adalah untuk mengembang serta menggalakkan pembangunan consumerism dan menjalankan penerangan dan pendidikan pengguna kepada seluruh masyarakat umumnya dan masyarakat luar bandar khususnya. Maklumat-maklumat kepada penduduk-penduduk kawasan luar bandar telah dijalankan melalui alat-alat mass media seperti suratkhobar-suratkhobar dan radio.

Untuk mempercepatkan lagi program-program penerangan dan pendidikan pengguna kepada masyarakat luar bandar, rancangan-rancangan pengguna telahpun disiarkan melalui radio pada masa ini dan ada kemungkinan akan disiarkan melalui televisyen pada masa yang akan datang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ruang di radio adalah memakan masa selama 15 minit dan telah disiarkan dalam 4 rangkaian dan rancangan ini telah bermula sejak 2hb September, 1978.

Wakil-wakil Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan adalah diwakili oleh setiap golongan di satu-satu kawasan dan saya percaya wakil-wakil tersebut dapat menyebarkan maklumat-maklumat mengenai pendidikan pengguna kepada masyarakat kampung.

Di sini saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memainkan peranan penting masing-masing di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyebarkan dan memberi pendidikan kepada orang ramai di kawasan-kawasan tersebut tentang mustahaknya peranan yang dimainkan oleh Persatuan Pengguna-pengguna.

Untuk menggiatkan lagi pendidikan pengguna beberapa seminar telah dianjurkan oleh Kementerian saya dan sehingga hari ini telah diadakan sebanyak 5 seminar di peringkat kawasan iaitu Kawasan Tengah di Kuala Lumpur, Kawasan Selatan di Johor Bahru, negeri Sarawak di Kuching, Kawasan Timur di Kuala Trengganu dan baru-baru ini

Kawasan Utara di Alor Setar. Sehingga hari ini terdapat 11 buah Persatuan Pengguna di seluruh Malaysia iaitu di peringkat pusat ada FOMCA (Federation of Malaysia Consumers' Association) dan tiap-tiap Persatuan Pengguna di negeri Selangor, Pulau Pinang, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Kedah, Perak, Sarawak, Perlis dan Johor.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan untuk memberi bantuan kepada Persatuan-persatuan Pengguna di seluruh negara. Bantuan ini adalah merupakan bantuan kewangan di mana kelulusan untuk diberi tertakluk kepada aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan oleh Persatuan-persatuan Pengguna. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$106,430 untuk dibahagi-bahagikan kepada Persatuan-persatuan Pengguna. Umpamanya sebanyak \$58,420 telah diberikan kepada FOMCA sehingga tahun 1979 bertujuan untuk memberi bantuan kepada Persatuan tersebut untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan Kuala Kangsar mengenai barang-barang tiruan, sukalah saya memaklumkan iaitu Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan-tindakan terhadap mana-mana pihak sama ada pengeluar atau penjual barang-barang tiruan di bawah Akta Jualan Dagangan, 1972. Di bawah Akta ini ada peruntukan-peruntukan yang membolehkan pegawai-pegawai Kementerian saya untuk bertindak dan sehingga 30hb November, 1979 tindakan-tindakan yang telah diambil di bawah Akta tersebut ke atas barang-barang tiruan adalah sebanyak 567 kes dan jumlah hukuman denda yang dikenakan terhadap kes-kes yang telah selesai dibicarakan di mahkamah adalah sebanyak \$160,015.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, amalan menjual barang-barang tiruan di negara ini tidaklah begitu berleluasa berikutan dengan tindakan-tindakan tegas yang telah diambil oleh Kementerian saya. Kementerian saya sedar iaitu untuk mengetahui perbezaan di antara barang-barang yang tulin dan barang-barang tiruan

adalah satu perkara yang sukar. Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru kepada pengguna-pengguna terutama sekali suri-suri rumahtangga supaya berhati-hati apabila membeli sesuatu barang daripada mana-mana pihak yang meragukan. Sekiranya timbul keadaan seperti ini, pengguna-pengguna haruslah melaporkan perkara tersebut kepada Kementerian saya untuk diambil tindakan selanjutnya. Dalam perkara ini, Kementerian saya sentiasa mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak pengusaha di dalam menjalankan pemeriksaan bagi menentukan pengguna boleh membeli barang-barang yang tulin dengan tidak ditipu.

Tuan Pengerusi, mengenai ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Panting dan Kangar yang telah menyatakan iaitu mengapa beberapa buah negara jiran yang tidak mengeluarkan sesuatu bahan mentah itu boleh memasarkan barang tersebut ke luar negeri dengan jayanya. Sukalah saya menyatakan iaitu Kementerian saya sedar mengenai perkara tersebut. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini adalah satu perkara historical. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan iaitu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan perdagangan terus (direct trade) dengan negara-negara luar dan juga adalah menjadi amalan pada masa ini iaitu negara-negara luar ingin membeli terus barang buatan Malaysia daripada negara kita sendiri.

Beberapa perjanjian perdagangan telah ditandatangani di mana salah satu syaratnya ialah untuk mengadakan perdagangan terus di antara kedua buah negara tersebut dan kebanyakan negara-negara ini telahpun mengambil tindakan untuk membeli terus barang-barang buatan Malaysia. Di samping itu Kementerian saya telahpun mengambil bahagian di dalam beberapa pameran perdagangan di luar negeri bertujuan untuk memberi peluang kepada pengeksport-pengeksport Malaysia untuk menjual barang-barang keluaran mereka dengan secara terus kepada pengimport-pengimport di luar negeri.

Dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian saya adalah

didapati bahawa negara-negara seperti negara-negara di Eropah Timur dan negara China yang dahulu membeli barang Malaysia melalui negara yang ketiga pun telah membeli barang-barang Malaysia seperti getah, kelapa sawit, kayu-kayan dan bijih timah serta nenas dalam tin secara terus dari Malaysia.

Mengenai ulasan Ahli Yang Berhormat dari Panting berhubung dengan potensi-potensi pasaran di negara-negara Asia Barat, sukalah saya memaklumkan iaitu Kementerian saya memandang berat ke atas pasaran-pasaran tersebut dan beberapa langkah-langkah positif telah diambil untuk menggandakan lagi usaha-usaha untuk menggalakkan eksport barangan keluaran Malaysia kepada pasaran-pasaran di Asia Barat.

Bagi mengambil peluang yang lebih banyak bagi potensi-potensi pasaran di negara-negara itu, Kementerian saya telah menghantar beberapa rombongan perdagangan ke negara-negara Asia Barat dan juga menyertai dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa yang diadakan di rantau itu. Sejak tahun 1974 Kementerian saya telah menghantar lima rombongan perdagangan ke negara-negara Asia Barat dan telah menyertai lima pameran-pameran perdagangan yang telah diadakan di negara-negara Asia Barat pada jangka masa yang sama.

Seterusnya Kementerian saya telah juga menghantar rombongan untuk mencari maklumat-maklumat perdagangan (fact-finding mission) di negara-negara yang tertentu di rantau itu bagi mengetahui potensi-potensi pasaran untuk barang-barang Malaysia. Langkah-langkah telah juga diambil bagi menjemput pegawai-pegawai kanan dan juga ahli-ahli sektor swasta dari negara-negara tersebut untuk melawat Malaysia supaya mereka mengetahui jenis barang-barang yang ada untuk dieksport dari negara ini.

Mengenai ulasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tersebut iaitu sama ada kajian pasaran telah dibuat untuk mengetahui mengenai pasaran bagi barang-barang buatan Malaysia di negara-negara Asia Barat, sukalah saya menyatakan iaitu Pejabat-

pejabat Perdagangan Malaysia di negara-negara tersebut telah diarah untuk menambahkan lagi aktiviti-aktiviti galakan eksport bukan sahaja untuk memperluas serta menentukan peluang-peluang pasaran bagi barang-barang buatan Malaysia tetapi juga membuat tinjauan-tinjauan barangan (commodities survey). Dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian saya, saya berasa yakin iaitu perdagangan di antara negara kita dengan negara-negara Asia Barat akan bertambah cerah.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran mengenai perkara-perkara yang saya sebutkan di atas. Sekiranya di dalam jawapan saya ini tidak sempat saya memberi ulasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, silalah berhubung terus dengan saya supaya dapat perkara tersebut diberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,428,498 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$124,638 untuk Maksud P. 25 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunannya.

Setiausaha Parlimen tidak ada, Yang Berhormat Menteri tidak ada dan Timbalan Menteri pun tidak ada. Supaya tidak terbuang masa Majlis ini, saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan—pun tidak ada juga! Kalau tidak ada, saya akan tangguhkan Majlis ini.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengharapkan supaya tiap-tiap Kementerian sentiasa 'alert', sentiasa menjaga tugas-tugasnya supaya tidak tergendala perjalanan Dewan ini.

Dewan ditempokkan selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 2.50 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.10 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian supaya tiap-tiap pagi melihat daripada Aturan Urusan Mesyuarat yang disediakan oleh Parlimen ini. Walaupun kakitangan Parlimen tidak dibayar lagi elaun honorariumnya yang pernah didapati semenjak 13 tahun lalu tetapi Aturan Mesyuarat ini disediakan pagi lagi pada pukul 9.00 atau selewat-lewatnya pukul 10.00 sudah siap, pegawai-pegawai bolehlah mengingat dan menarik perhatian Yang Berhormat Menteri-menteri atas urusan yang berjalan pada hari itu. Apa yang berlaku pada hari ini sangat mendukacitakan saya, kerana Majlis ini hendak menimbangkan sebanyak tigabelas Kementerian lagi dan beberapa Rang Undang-undang yang hendak diselesaikan dan mesti selesai besok. Dengan sebab itu, saya berharap pada masa akan datang ianya tidak berlaku lagi perkara yang seumpama ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1979

Jawatankuasa

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya.

3.13 *ptg.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhah Wan): Sebelum saya mengemukakan anggaran ini, Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya yang mewakili bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memohon maaf terhadap kelewatan saya dan Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri datang ke dalam Dewan ini pada hari ini. Yang sebenarnya tadi saya dengan gopoh gapah juga hendak datang kemari tetapi maktumlah di bandaraya Kuala Lumpur ini begitu hebat trafik jem, saya terpaksa lambat sedikit, tambahan pula sentiasa tiap-tiap hari kita ada mempunyai soalan-soalan yang harus dikemukakan sampai pukul 3.30 petang di dalam Dewan ini

Tuan Pengerusi: Kalau begitu Yang Berhormat tidak membaca Aturan Urusan Mesyuarat. Bukankah hari ini dan besok ditambah dua hari. Mana ada soal jawab?

Tuan Luhah Wan: Kerana saya pun pagi tadi sebok dengan Seminar Young Parliamentarians yang diadakan di Kuala Lumpur, saya tiada masa datang kemari untuk melihat Aturan Urusan Mesyuarat (Order Paper). Saya mohon maaf atas kesilapan ini dan pada masa yang akan datang, saya memberi assurance kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi, perkara yang begini tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi, saya memohon supaya Anggaran Pembangunan Tambahan 1979 untuk Jabatan Muzium di bawah Maksud Pembangunan P. 27 yang berjumlah \$3,732,000 diluluskan.

Jumlah perbelanjaan sebanyak \$3,732,000 yang didahulukan kepada Jabatan Muzium Negara daripada Simpanan Luar Jangka adalah bagi membiayai perbelanjaan projek-projek Muzium Negeri-negeri \$2,232,000; pembelian bahan-bahan kebudayaan \$1,500,000; jumlah \$3,732,000. Dengan itu

saya memohon supaya Anggaran Pembangunan Tambahan 1979 sebanyak \$3,732,000 untuk Jabatan Muzium di bawah Maksud Pembangunan P. 27 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud P. 27 bagi Pembangunan Tambahan Ketiga 1979 sekarang terbuka untuk perbincangan. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.15 *ptg.*

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, sebelum saya menyentuh P. 27 mengenai Perbekalan Pembangunan ini, DAP adalah menyatakan kesal bahawa peristiwa yang telah berlaku tadi seperti mana yang disebut oleh

Tuan Pengerusi: Ini tiada kena mengena dengan Muzium. Itu saya yang boleh bercakap. Tempat lain nanti boleh bercakap.

Tuan Chan Teck Chan: Walaupun tiada berkaitan kerana tadi Setiausaha Parlimen ada meminta maaf di Dewan yang mulia ini, walau bagaimanapun saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi dalam Dewan yang mulia ini supaya perkara yang sangat memalukan ini tidak akan berlaku di masa-masa yang akan datang. Sebenarnya sebagai Kerajaan yang memerintah, Kerajaan tahu bagaimana membuat satu arrangement untuk urusan di Parlimen yang begitu mustahak ini. Di sini saya mewakili DAP mengatakan beribu-ribu kesal dan keciwa di atas perkara yang sudah berlaku di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian yang berkenaan bolehlah memberikan perhatian yang berat terhadap satu tanggungjawab dan tugasnya untuk melindungi tempat-tempat dan bahan-bahan yang bersejarah yang biasanya adalah terletak di bawah tanggungjawab Muzium untuk mengadakan kajian-kajian yang berkenaan dengan bangunan-bangunan, tempat-tempat atau tapak-tapak atau benda-benda yang bersejarah perlu disimpan dan digazetkan di bawah Akta yang berkenaan.

Umpama, saya merasa keciwa di negeri Melaka sebagai kota yang bersejarah ini, banyak tempat sudah dibinasakan dan tiada

diperlindungi dengan sewajarnya, kerana masih ada banyaknya tempat-tempat yang bersejarah ini tidak digazetkan di bawah Akta yang berkenaan supaya ianya dijadikan sebuah bangunan yang bersejarah dan juga Kementerian sangat tidak memberikan perhatian yang berat untuk mengeluarkan satu peruntukan atau perbelanjaan untuk memperbaiki tempat-tempat yang sudah rosak yang perlu diperbaiki supaya nilai sejarah daripada bangunan-bangunan atau tapak-tapak yang bersejarah yang ada di negeri Melaka khasnya bolehlah diperlindungi. Biasanya terpaksa rakyat atau Wakil Rakyat membuat surat kepada Muzium Negara supaya perhatian boleh ditarik, barulah kajian disiasat.

Di sini saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi tahu Dewan yang mulia ini bahawa bilakah tempat-tempat dan tapak-tapak yang bersejarah yang ada di negeri Melaka ini akan digazetkan dan juga tempat-tempat dan tapak-tapak yang bersejarah yang sudah rosak ini akan diperuntukkan satu perbelanjaan yang mencukupi untuk memperlindungi tempat-tempat yang tersebut supaya bangunan-bangunan yang bersejarah yang ada di Melaka khasnya bolehlah dijaga dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

3.18 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan tambahan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan iaitu P. 27 berkenaan dengan \$3,732,000 untuk Muzium dan bahan-bahan kebudayaan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa ada lagi beberapa buah negeri yang patut diadakan Muzium tetapi setakat yang saya tahu Muzium di negeri saya sendiri Perlis tiada. Di mana negeri yang ditambah, walla hu alam saya sendiri pun tidak tahu. Dengan sebab itu saya berharaplah kalau disebutkan di sini Muzium-muzium Negeri, saya yakin kerana negeri-negeri termasuk salah satunya Perlis yang hari ini tidak ada lagi Muzium patutlah diadakan juga Muzium macam negeri-negeri lain.

Begitu juga saya berpendapat sepatutnya bahan-bahan yang dikumpul lebih banyak lagi di dalam Muzium dan saya dapat tahu Naib Canselor Universiti Malaya, Professor Ungku Aziz telah mengumpulkan bahan-bahan bersejarah dan dia sendiri boleh dikatakan mengumpul, mengadakan muzium dekat dengan rumahnya. Kalau pihak perseorangan dapat mengumpulkan bahan begitu banyak, apatah lagi kita sebagai satu Kerajaan, patutlah apa yang dapat dilihat supaya jangan barang-barang yang bersejarah ini dilupai oleh jenerasi yang akan datang termasuk kita sendiri hari ini. Dengan ini saya menyokong peruntukan yang telah diminta.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading.

3.20 ptg.

Tuan Patrick Anak Uren (Mas Gading): Tuan Pengerusi, saya mohon bercakap sedikit sahaja di atas peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu bawah perkara Muzium.

Saya tidak pasti sama ada Muzium ini termasuk daripada segi sejarah dan sama ada Muzium Negara mengambil kuasa juga di atas perkara-perkara sejarah di negeri Sarawak. Dan jikalau ya begitu, maka saya mohon perhatian daripada pihak berkenaan ke atas tempat-tempat bersejarah di negeri Sarawak supaya tempat-tempat itu digazetkan dan ditetapkan sebagai tempat sejarah dan juga untuk mendapatkan cerita bagaimana tempat itu telah menjadi sejarah, lebih eloklah kalau Kementerian ataupun pihak Muzium dapat membuka peluang untuk karangan yang ditulis oleh anak tempatan supaya karangan itu akan menjadi bahan asas kepada tubuh cerita mengenai bagaimana tempat itu dulu menjadi sejarah.

Di negeri Sarawak banyak tempat yang sekarang belum diperhatikan sebagai yang saya mohon ini dan saya harap Kementerian dan pihak Muzium mengambil perhatian atas perkara itu. Itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

3.23 *ptg.*

Tuan Luhah Wan: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak terhadap perkara yang dianggap penting mengenai Muzium Negara termasuk juga Muzium-muzium Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang menyusun beberapa perkara yang penting mengenai Muzium bukan hanya di negeri Melaka sahaja bahkan juga di negeri-negeri di Pantai Timur termasuk Sabah dan Sarawak. Semua tempat yang bersejarah ataupun benda-benda yang patut dimasukkan menjadi bahan-bahan Muzium juga sekarang sedang dalam penyelidikan dan urusan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Demikian juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Tuan Pengarah Muzium Negara sekarang sedang berusaha menyediakan berbagai-bagai bahan yang penting untuk kegunaan ataupun untuk menyelamatkan sejarah-sejarah (history) di negeri kita untuk meninggikan taraf Muzium Negara dan juga Muzium-muzium di tiap-tiap negeri sebagaimana yang saya katakan tadi.

Demikian juga untuk makluman Yang Berhormat dari Mas Gading, saya mengucapkan terima kasih terhadap pendapat yang baik yang telah disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai sejarah-sejarah ataupun karangan-karangan yang ditulis oleh orang tempatan mengenai sejarah-sejarah (history) negeri. Kajian yang penting untuk makluman rakyat negara ini terhadap kebanyakan tempat yang bersejarah di dalam negeri Sarawak, sekarang ini sedang dibuat dan disusun dan juga termasuk berbagai-bagai benda yang agak historical seperti satu tempat di negeri Sarawak yang dikenali dengan nama Niah Caves yang mempunyai history yang penting dan saya harap semua perkara ini akan menyumbangkan banyak lagi bahan-bahan yang penting untuk Muzium di negeri Sarawak.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,732,000 untuk Maksud P. 27 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya.

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979)—

3.28 *ptg.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mencadangkan supaya tambahan peruntukan sebanyak \$92,980,000 di bawah Pecahan-kepala P. 28, Anggaran Pembangunan Kementerian Pertahanan bagi tahun 1979 diluluskan.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1979 peruntukan pembangunan yang diluluskan kepada Kementerian Pertahanan berjumlah \$702,369,090. Peruntukan tersebut adalah penting bagi menampung keperluan angkatan tentera.

Sebagaimana yang Tuan Pengerusi sedia maklum perkembangan politik yang sedang berlaku di rantau ini telah memaksa Malaysia melengkapkan diri demi untuk mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara kita. Tugas-tugas mempertahankan negara adalah matlamat bersama Kementerian Pertahanan. Namun demikian persediaan yang mencukupi adalah penting. Kementerian Pertahanan yang telah diberi tanggungjawab untuk memastikan bahawa Angkatan Tentera Malaysia mempunyai kekuatan yang mencukupi bagi mempertahankan negara kita daripada ancaman luar dan dalam negeri.

Sebagaimana yang pernah ditegaskan di masa-masa yang lampau, keperluan Angkatan Tentera sentiasa dikaji dari semasa ke semasa bagi menentukan Angkatan Tentera kita mempunyai alat kelengkapan yang moden dan anggota-anggota yang cekap dan berhemah

tinggi. Kita patut berbangga kepada Kerajaan atas sikapnya yang mengambil berat soal keselamatan dan pertahanan negara kita. Segala usaha yang dibuat oleh Kerajaan kita memperkuatkan pertahanan kita adalah semata-mata untuk kebaikan dan kemakmuran negara kita.

Hasil daripada kajian yang mendalam dan menyeluruh itu, Kementerian memerlukan tambahan sebanyak \$92,980,000 bagi menampung keperluan Angkatan Tentera. Dengan tambahan ini peruntukan pembangunan tahun 1979 bertambah dari \$702,369,090 kepada \$795,349,090. Tambahan yang diminta adalah terdiri daripada Pecahan-kepala seperti berikut:

- (1) Pengkalan TLDM (Tentera Laut Di Raja Malaysia) Labuan, Pecahan-Kepala 3 (iii).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1979 peruntukan tambahan sebanyak \$2,000,000 adalah dikehendaki bagi membiayai sebahagian perbelanjaan pembinaan Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Labuan iaitu pengambilan tanah.

- (2) Pembelian Kelengkapan Tentera, Pecahan-kepala 8 (ii) Meriam.

Bagi pembelian meriam sebanyak \$8,000,000 adalah diperlukan bagi tahun 1979 untuk menampung pembayaran pendahuluan.

- (3) Pembelian Kapal terbang Tentera Udara Di Raja Malaysia Pecahan-kepala 9.

Tambahan sebanyak \$74,000,000 bagi tahun 1979 adalah untuk menampung pembelian kapal terbang-kapal terbang untuk kegunaan Tentera Udara Di Raja Malaysia. Ini menjadikan peruntukan bagi Pecahan-kepala 9 dipinda dari \$30,000,000 kepada \$104,000,000.

- (4) Pembelian Kapal Tentera Laut Di Raja Malaysia Pecahan-kepala 11.

Bagi tahun 1979 sebanyak \$5,480,000 adalah diperlukan untuk menampung

sebahagian daripada kos pembelian sebuah Kapal Pembantu Tentera Laut Di Raja Malaysia. Bagi Tambahan ini peruntukan tahun 1979 bertambah dari \$72,000,000 kepada \$77,480,000.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pertahanan sekarang terbuka untuk perbincangan. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.34 ptg.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian atas satu dua perkara yang mustahak untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini.

DAP memanglah menyokong sepenuhnya bahawa dalam krisis yang ada di sempadan Thai dan Kampuchea hari ini memanglah Kerajaan memerlukan lebih banyak perbelanjaan untuk memperluaskan ketenteraan Malaysia hari ini. Tetapi mengenai disiplin Pasukan Tentera Malaysia khususnya di negeri Melaka perlulah diberi perhatian yang berat. Umpamanya pada 2hb Mei tahun ini telah berlaku satu Pasukan Komando dari Sungai Udang masuk ke Kota Melaka mengamok dan mencederakan orang ramai di Serilaka.

Saya ada melaporkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan satu jaminan telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan bahawa Kota Melaka akan dijadikan satu zone atau kawasan larangan bagi Pasukan Komando dari Sungai Udang memasuki ke Kota Melaka supaya keadaan sensitif dan genting ini boleh dielakkan.

Nasib baik pada 2hb Mei ini tidak mencetuskan satu peristiwa perkauman, kerana pada saat itu pasukan itu masuk ke Kota Melaka, ini bukanlah dikatakan Kota Melaka tidak welcome Komando kita datang ke Kota Melaka untuk berhibur dan melapangkan masa mereka tetapi bila mereka mabuk, umpamanya di Perhentian Bas, mereka selalu merampas bas-bas yang

ada di sana dan mengarahkan kondaktor dan bus driver menghantar mereka balik, kadangkadangkang penjaja-penjaja diganggu dengan apple, orange diangkat, dirampas dan dibuang dengan tidak membayar. Kadangkadangkang kaum wanita pun diganggu.

Perkara ini bukan sekali sahaja berlaku peristiwa pada 2hb Mei di Kota Melaka tetapi selalu berlaku.

Umpamanya, pada dua hari yang lepas seorang Komando terbunuh dengan kepalanya diparang kerana peristiwa yang tidak perlu saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Di sini apa yang saya perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini ialah, apakah tindakan disiplin yang lebih ketat boleh diambil oleh Kementerian Pertahanan supaya imej Pasukan Keselamatan negara kita boleh dipelihara, jangan kerana ada segelintir orang keluar untuk membawa satu keadaan yang tidak tenteram sehingga public order diancam, maka baharulah dikeluarkan satu arahan larangan untuk Pasukan Tentera dari Sungai Udang Kem Melaka datang ke Kota Melaka. Ini bukanlah satu cara yang baik untuk mengelakkan peristiwa yang mendukacitakan itu berlaku.

Di negeri Perak juga berlaku satu dua peristiwa yang sudah membangkitkan kemarahan rakyat di negeri Perak. Pada keseluruhannya ini sudah mencerminkan disiplin di dalam Pasukan Keselamatan hari ini perlu diperketatkan.

Saya bukan hendak menegur atau mencemarkan imej pasukan pembela negara kita. Apa yang saya sukakan menarik perhatian Kementerian Pertahanan ialah kalaulah imej ini tidak dipulihkan, mungkin ini akan merosakkan perhubungan muhibbah di antara rakyat Malaysia dan Pasukan Keselamatan negara kita. Ini adalah mustahak dan perlu diperbaiki, kalau tidak bagaimana keutuhan dan keselamatan negara kita boleh dipertahankan yang hanya bergantung kepada Pasukan Keselamatan negara kita. Juga ini perlu mendapat kerjasama dari rakyat kita. Kalau kerjasama rakyat diperlukan oleh Pasukan Keselamatan negara kita maka pertalian di antara rakyat biasa dan Pasukan

Tentera kita perlu dieratkan lagi dan dirapatkan. Inilah satu cabaran dan tanggungjawab berat bagi Kementerian Pertahanan bagaimana mencari jalan keluar untuk merapatkan perhubungan di antara rakyat dengan Pasukan Keselamatan negara kita. Dan juga saya hendak minta satu jaminan dari Setiausaha Parlimen yang berkenaan bahawa peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di Perak dan di Kota Melaka ini tidak akan berlaku lagi.

Saya tidak mahu melihat peristiwa di Mesjid Tanah di mana ada berlakunya pergaduhan di antara tuan punya basikal maka tentera-tentera ini menggunakan machine gun dan hendak menembak, nasib baiklah peluru itu jatuh ke tanah. Kalau tidak apa akan jadi, bukan sahaja nyawa akan terkorban tetapi ini akan membawa satu suasana atau keadaan yang sangat serius berlaku di Malaysia. Di sini saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberitahu Dewan ini, apakah rancangan yang telah diadakan untuk mempertingkatkan disiplin dan imej dalam kalangan Pasukan Keselamatan negara kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

3.40 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan tambahan yang dipohon sebanyak \$90,980,000 dan saya ingin menyentuh satu dua perkara dalam Kementerian Pertahanan ini.

Pertama, berhubung dengan Aktiviti (9)—Pembelian kapal terbang TUDM, (11)—Pembelian Kapal TLDM dan juga Kelengkapan TLDM.

Tuan Pengerusi, saya harap dengan pembelian kapal-kapal TUDM dan TLDM yang baru akan dapat lebih pesat lagi mengawal pantai-pantai negara kita yang sebagaimana kita sedia maklum bahawa negara kita adalah terdedah kepada pendatang-pendatang haram dan sebagainya yang memerlukan tenaga tentera laut dan tentera darat untuk mengawasi pantai kita sepanjang masa. Bukan sahaja untuk mengawasi pantai-pantai kita daripada

pencerobohan kapal-kapal musuh, kapal-kapal asing tetapi memberi jaminan dan menjaga nelayan-nelayan kita ke laut, kadangkala sampai 40 batu ke laut mereka jauh daripada bantuan daratan. Cuma yang kita harapkan ialah pihak Tentera Udara atau Tentera Laut, selalu berlaku kejadian dalam kawasan Johor dan di sepanjang Laut China Selatan selalu terdapat nelayan-nelayan luar mencero boh perairan Malaysia tetapi bagi nelayan-nelayan kita tidak berani untuk melawan kerana nelayan-nelayan luar mempunyai kapal-kapal yang besar untuk menangkap ikan dan mereka siap dengan senjatanya sekali. Apabila nelayan-nelayan kita cuba memberi amaran dan sebagainya, mereka diugut, jadi nelayan-nelayan kita tidak berani untuk pergi ke laut lepas sehingga 40 batu kerana dikacau oleh nelayan-nelayan dari luar. Saya harap dengan kelengkapan yang baru ini akan dapat pihak TLDM memberikan khidmatnya.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, pada tahun yang lalu saya sendiri menyaksikan apabila kedatangan pendatang-pendatang haram dari Vietnam melalui Laut China Selatan dan sebelum mereka itu sampai ke pantai kita, mereka sebenarnya menuju ke satu negara lain tetapi bagi pihak negara lain dengan kelengkapan Tentara Udaranya telah mengarahkan supaya mereka melarang mendarat di negeri itu dan Tentara Udara itu mengarahkan supaya mendarat di pantai-pantai Malaysia Barat. Dalam pada itu pihak Tentera Udara kita tidak ada mengawal pantai sebelah sana yang cuba pula mengarahkan supaya pendatang haram ini jangan mendarat di pantai Malaysia, hanya satu negeri lain sahaja yang berbuat demikian. Saya harap pada masa yang akan datang—kita tidak tahu walaupun keadaan sudah reda sekarang tetapi besar juga kemungkinan, kerana keadaan yang berlaku sekarang di Indo-China kita tidak dapat menentukan bila akan reda dan bila akan tamatnya. Jadi terpaksa kita berwaspada 24 jam untuk mengawal pantai.

Tuan Pengerusi, saya harap dengan pembelian kapal terbang-kapal terbang dan kapal laut-kapal laut yang baru sebagaimana yang kita dengar peristiwa-peristiwa di masa yang lampau yang mana banyak negara-negara terlibat kerana dengan pembelian kapal terbang-kapal terbang dan kapal laut-

kapal laut memakan belanja yang begitu banyak, beratus-ratus juta ringgit dan ada di antara negara-negara yang terlibat di dalam skandal rasuah, maknanya pembelian kapal terbang itu ada berlaku rasuah. Jadi saya mengingatkan supaya negara kita biar bersih dari skandal ini. Walaupun begitu, saya harap pihak Kementerian ini akan lebih berhati-hati pada masa yang akan datang kerana pelajaran telah banyak kita dengar daripada dunia luar berhubung dengan skandal rasuah pembelian kapal-kapal, sama ada kapal terbang ataupun kapal laut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

3.45 *ptg.*

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin menegaskan bahawa permintaan untuk membeli kelengkapan-kelengkapan yang cukup bagi menghadapi suasana dan perkembangan di Asia Tenggara adalah penting dan perkara ini, perkembangan peringatan-peringatan mengenai perlunya negara kita bersedia untuk menghadapi perkembangan-perkembangan di Vietnam dan di Kampuchea sejak dahulu lagi telah diperingatkan oleh PAS.

Dengan sebab itu saya bagi pihak PAS adalah mengalu-alukan pembelian-pembelian alat kelengkapan yang moden sebagai persediaan bagi kita menghadapi apa-apa juga kemungkinan yang boleh mengancam keselamatan negara kita. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan Kerajaan bahawa di dalam membeli alat-alat kelengkapan itu hendaklah kita menghindari pembelian-pembelian itu daripada menimbulkan sesuatu keadaan controversial, terutamanya sepertimana yang didapati daripada sumber-sumber yang dipercayai bahawa ada pihak-pihak ketiga berusaha dan mencuba supaya Kerajaan membeli kapal terbang-kapal terbang yang pernah digunakan atau daripada Israel menerusi Amerika Syarikat yang digunakan semasa perang dengan Arab. Walaupun mungkin kapal terbang-kapal terbang itu lebih murah tetapi Kerajaan tidak seharusnya mencari masalah-masalah yang tidak perlu dan menimbulkan controversial di dalam pembelian-pembelian yang seperti ini.

Yang keduanya, saya ingin menekankan walaupun alat-alat kelengkapan ini penting tetapi kerjasama yang erat dan keadaan di dalam negeri dan cara bagaimana kita menghadapi perkembangan-perkembangan itu adalah penting. Saya tidaklah hendak menghuraikan satu persatu di dalam Dewan ini mengenai keadaan yang merisaukan kita semua, iaitu tidak adanya kerjasama yang kukuh, yang erat dan penyelarasan antara Angkatan Tentera dengan Polis di dalam menghadapi musuh-musuh negara, terutamanya di dalam Bahagian Risikan dan saya difahamkan bahawa salah seorang yang pernah digunakan oleh Angkatan Tentera untuk memberi maklumat-maklumat tentang keadaan-keadaan dan kegiatan-kegiatan komunis telah ditangkap oleh Polis. Jadi keadaan-keadaan yang seperti ini perlulah dihindarkan.

Begitu juga perlunya diadakan penyelarasan-penyelarasan yang penting di dalam front dalam negeri, iaitu antara Tentera dengan Polis, terutama dalam bahagian Risikan ini. Sudah tentu ada masalah-masalah yang rumit dalam perhubungan di antara keduanya dan ini memerlukan kepada kebijaksanaan untuk menyelesaikannya supaya kita dapat menghadapi musuh dengan lebih unggul, teguh dan menjamin keselamatan negara kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang operasi-operasi yang dijalankan oleh tentera menentang komunis di sempadan-sempadan walaupun di peringkat Kerajaan dan di peringkat pimpinan, barangkali di antara negara kita dan juga negara jiran, Thailand terdapat kerjasama yang erat. Tetapi ada maklumat-maklumat yang menunjukkan bahawa kerjasama di peringkat dalam operasi adalah tidak memuaskan dan ini mengakibatkan kerugian-kerugian yang besar di pihak Malaysia di dalam operasi itu. Perkara-perkara ini hendaklah diselesaikan di dalam kita menghadapi tentangan-tentangan dan dalam kita menghadapi musuh-musuh negara dan Kerajaan hendaklah meminta kerjasama daripada Kerajaan Thailand supaya dapat menentukan suatu bentuk kerjasama yang lebih berkesan, bukan sahaja di peringkat atasan sahaja tetapi ialah sewaktu

menjalankan tindakan-tindakan menentang musuh negara kita.

Saya merasakan kalau sekiranya kerjasama yang sesungguhnya tidak didapati dan hanya kerjasama di bidang politik peringkat atasan sahaja, saya yakin bahawa keadaan-keadaan yang tidak teratur dan penganiayaan kepada anggota Angkatan Tentera kita akan melemahkan semangat dan akan menyebabkan mereka tidak berminat untuk menjadi tentera bagi mempertahankan negara. Gejala-gejala ini memang wujud sekarang di dalam Angkatan Tentera dan kerana itu kita perlulah mengambil langkah-langkah yang positif ke arah mewujudkan suatu Angkatan Tentera yang kuat dan teguh dan kekuatan Angkatan Tentera ini tidak hanya bergantung kepada kelengkapan-kelengkapan ketenteraan yang kita sediakan tetapi seperti yang saya katakan dahulu iaitu disiplin Angkatan-angkatan Tentera itu dan penglibatan semua kalangan, semua masyarakat untuk membantu kerana peperangan ini bukan hanya peperangan antara tentera dengan tentera, alat dengan alat, tetapi melibatkan seluruh masyarakat.

Walaupun mungkin kita dapat mewujudkan anggota-anggota tentera yang berdisiplin tetapi kalau sekiranya di dalam langkah-langkah politik tidak terdapat kebijaksanaan, maka ini juga akan menyebabkan keselamatan negara kita tidak akan terjamin. Jadi saya sekali lagi, walaupun saya menyokong peruntukan tambahan yang diminta ini untuk membeli kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan oleh Angkatan Tentera kita, tetapi saya ingin mengingatkan Kerajaan bahawa kelengkapan-kelengkapan ini tidak dapat menjamin keselamatan negara kita melainkan setelah beberapa perkara yang saya sebutkan dan juga yang tidak dapat disebutkan terutamanya dalam soal keputusan-keputusan politik, terutamanya dalam perhubungan dengan negara-negara jiran dalam bidang yang lebih rumit, patutlah diselesaikan dan patutlah kita menggunakan kebijaksanaan yang sebaik-baiknya bagi menjamin bahawa tentera-tentera kita yang berperang itu berperang dengan sokongan dan dengan dasar yang betul-betul untuk mewujudkan keamanan negara dan betul-betul untuk mempertahankan negara, bukan

kita dengan tujuan untuk menjaga imej dan keutuhan Angkatan Tentera kita, khususnya di kalangan rakyat di negara kita ini. Dalam pada itu perkara-perkara yang berlaku sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ini adalah dilakukan oleh sebahagian kecil anggota-anggota tentera yang kita juga faham bahawa mereka juga manusia biasa, dalam hubungan—antara mereka sesama mereka, antara mereka dengan rakyat biasa, mereka juga mempunyai emosi seperti kita juga. Rasa saya kita dari golongan awam lebih banyak yang melakukan perkara ini.

Dalam kejadian peristiwa di Bandar Melaka beberapa masa yang lalu, adalah difahamkan satu kumpulan pemuda-pemuda yang mengaku diri mereka daripada Pasukan Komando dari Trendak Camp. Dengan tidak semena-mena telah terjadi perbalahan dan membawa kepada pergaduhan di antara mereka dengan satu kumpulan yang lain. Walaupun seperti apa yang dikatakan tadi, laporan daripada pihak berkenaan bahawa mereka ini mengaku daripada Pasukan Komando, dan tidak dapat dipastikan benar mereka ini anggota tentera pihak yang berkuasa tentera di Trendak Camp dengan secara serta merta mengeluarkan perintah supaya semua anggota-anggota tentera yang berada di kem itu tidak dibenarkan masuk ke Bandar Melaka selepas daripada kejadian ini. Dan sepertimana biasa Kementerian tentulah tidak boleh mengambil apa-apa tindakan secara tergesa-gesa oleh kerana pihak Polis telah mengambil tindakan sepertimana peraturan-peraturan biasa untuk menjaga ketenteraman dan oleh kerana perkara ini adalah di bawah siasatan Polis, maka tidaklah diambil tindakan oleh pihak Kementerian sehingga kita mendapat laporan yang lanjut.

Selain daripada itu, pihak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka sendiri telah mengadakan perjumpaan muhibbah di antara pihak tentera dengan pihak awam dengan tujuan untuk menyelesaikan perkara ini. Sepertimana saya katakan tadi pihak Angkatan Tentera kita sentiasa mengambil berat dalam kejadian seperti ini dan daripada semasa ke semasa menjaga ataupun mengambil perhatian supaya perkara ini jangan berlaku.

Begitu juga perkara yang berlaku di Perak dan di beberapa tempat lain, perkara ini adalah berlaku sepertimana saya katakan tadi, sebagai manusia biasa. Bukanlah mereka melakukan perkara itu semasa mereka dalam pakaian (uniform) tentera atau sebagainya.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Angkatan Tentera kita dari semasa ke semasa mengambil langkah-langkah untuk meninggikan disiplin di kalangan tentera kita termasuklah dengan melalui ajaran-ajaran agama bagi menebalkan semangat anggota tentera kita supaya menjadi anggota Tentera yang penuh disiplin dan penuh bertanggungjawab kepada negara.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti, Kementerian memang menyedari keadaan ini perlunya kita membeli kapal-kapal dan kapal terbang yang sesuai dan moden untuk menjaga perairan pantai dan laut kita, lebih-lebih lagi setelah terlaksananya Undang-undang Laut iaitu kawasan 200 batu economic zone yang mana tanggungjawab Tentera Laut semakin bertambah.

Bagi mengawal pantai selain daripada memperbanyakkan dan meninggikan mutu kapal-kapal laut kita, Kementerian juga telah bersetuju untuk membeli beberapa buah kapal terbang C-130 ataupun Hercules C-130 Maritime dengan tujuan untuk mengawal perairan pantai kita, bukan sahaja menjauhkan daripada kemasukan pendatang-pendatang haram, tetapi juga melindungi nelayan-nelayan kita daripada ancaman-ancaman laut yang mungkin timbul mengganggu ketenteraman laut kita.

Mengenai dengan kawalan ke atas nelayan-nelayan kita selain daripada tugas anggota Tentera Laut, pasukan Polis Marin juga bersama-sama menjaga nelayan-nelayan kita daripada gangguan lanun-lanun dan sebagainya.

Mengenai pembelian kapal terbang-kapal terbang, Kementerian saya daripada semasa ke semasa, sebagaimana yang telah saya katakan tadi menambah bilangan kapal

terbang-kapal terbang moden sesuai dengan peranan pertahanan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menimbulkan perkembangan-perkembangan yang berlaku di Vietnam yang mana negara kita perlu membuat persiapan. Ini telah saya katakan oleh kerana kesedaran Kerajaan perlunya kita meningkatkan pertahanan negara, peruntukan belanjawan Kementerian Pertahanan bagi tahun 1980, sebagaimana yang telahpun Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, telah kita tambah dengan begitu besar jumlahnya. Dan tidaklah benar bahawa kita telah merancang atau bersetuju untuk membeli kapal terbang-kapal terbang dari Israel. Berita ini tidak benar sama sekali. Kita pada dasarnya bersetuju untuk membeli kapal terbang-kapal terbang moden jenis pejuang tetapi kita belum menetapkan jenis kapal terbang ini. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi tiap-tiap pembelian, lebih-lebih lagi pembelian kapal terbang-kapal terbang dan kapal-kapal yang menelan belanja besar, kita sentiasa membuat perincian yang mendalam supaya pembelian ini akan benar-benar memberi manfaat kepada pertahanan negara kita.

Mengenai kerjasama di antara tentera dan polis sama ada dari segi penyelarasan operasi dan sebagainya, perlu saya katakan di sini kita sentiasa bekerjasama rapat iaitu di antara pasukan tentera dan polis, terutama dari segi kawalan, dari segi pengintipan dan sebagainya, dan kerjasama yang rapat ini sentiasa kita pertingkatkan daripada semasa ke semasa. Apa yang kita harapkan bukan sahaja kerjasama di antara kedua-dua pihak ini bahkan kerjasama daripada orang ramai dan rakyat negara kita ini perlulah memberikan kerjasama kepada Angkatan Bersenjata kita dalam mempertahankan negara.

Mengenai operasi tentera kita di sempadan menentang musuh-musuh negara, sebagaimana Ahli Yang Berhormat semua maklum kita mempunyai perjanjian sempadan dalam tindakan bersama iaitu di antara negara kita dengan negara Thai dan negara Indonesia.

Mengenai operasi bersama antara Malaysia dengan negara Thai, kita sentiasa

pertingkatkan dari semasa ke semasa dan jika kita dapati kelemahan-kelemahan dalam operasi-operasi bersama yang telah kita jalankan, kita akan membuat kajian untuk meningkatkan lagi dan dalam operasi-operasi bersama yang telah kita jalankan kita telah mendapati hasil yang begitu baik telah kita capai.

Saya tidak begitu faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang menyatakan tindakan-tindakan bagi melindungi satu-satu kuasa yang tertentu sahaja. Sepertimana yang telah saya katakan tugas Kementerian Pertahanan adalah menjaga kepentingan, menjaga keselamatan dan pertahanan negara, bukanlah untuk kepentingan satu-satu golongan sahaja. Ini tidak benar sama sekali dan tidak menjadi amalan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera kita.

Yang Berhormat dari Kangar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah memperkatakan masalah pembelian alat-alat kelengkapan yang benar-benar berguna, umpamanya, membeli peluru berpandu, begitu juga meriam-meriam dan sebagainya. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pembelian-pembelian ini kita buat dengan begitu rapi dan teliti. Sudah tentulah alat-alat ini akan memberikan kesan yang besar dalam mempertingkatkan pertahanan negara kita. Setiap pembelian seperti saya katakan tadi kita jalankan beberapa ujian-ujian yang begitu teliti sama ada dari segi jenis alat-alat ini, kualitinya atau jenisnya dan juga dari segi harga dan sebagainya.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat juga, tiap-tiap pembelian sama ada kapal-kapal laut atau kapal terbang kita juga membeli alat-alat ganti yang cukup untuk masa-masa yang tertentu bagi mengelakkan kita kekurangan alat-alat ganti apabila sampai masanya supaya menentukan kekuatan tentera kita tetap terjamin.

Mengenai pembelian-pembelian seperti apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Baling supaya tidak berlaku penyelewengan, rasuah dan sebagainya, Kementerian Pertahanan adalah mengawal keras perkara ini dan kita sentiasa menghubungi pihak BSN sekiranya ada berlaku sesuatu penyelewengan dan sekiranya berlaku satu penyelewengan

rasuah dan sebagainya, perkara ini akan kita bawa ke mahkamah, sebagaimana peraturan-peraturan yang berjalan dari semasa ke semasa. Ini adalah bagi menentukan seperti yang saya katakan tadi setiap pembelian yang kita jalankan adalah benar-benar menguntungkan negara bagi mempertingkatkan lagi pertahanan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu juga menyebut mengenai pertahanan di Pantai Timur termasuklah cadangannya supaya Kementerian mengkaji semula khususnya untuk membina beberapa pengkalan-pengkalan Tentera Udara dan juga pengkalan Tentera Laut. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebuah pengkalan Tentera Udara telahpun diwujudkan di Kuantan yang peranannya adalah bagi menjaga pertahanan di sebelah Pantai Timur dan sebuah lagi lapangan terbang Tentera Udara sedang dalam persediaan untuk dibina iaitu di Gong Kedak di sempadan antara negeri Kelantan dan negeri Trengganu.

Mengenai dengan pengkalan Tentera Laut, kita telahpun membina pengkalan Tentera Laut yang besar di Lumut bagi menggantikan pengkalan Tentera Laut kita yang pada masa ini berada di Woodlands. Pengkalan ini adalah dirasakan mencukupi untuk memenuhi keperluan-keperluan yang ada pada hari ini dan sebuah pengkalan telahpun dibina di Kuantan yang pada masa ini telahpun digunakan untuk membekalkan minyak, barang-barang makanan dan sebagainya kepada kapal-kapal kita yang mengawal perairan di Pantai Timur.

Saya ingin menyambung sedikit mengenai dengan pengkalan terbang kita sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu lebih di pantai barat. Bagi makluman, oleh kerana kita mempunyai kapal terbang yang termoden, yang termaju iaitu F.5E yang berpangkalan di Butterworth yang kelajuannya lebih laju daripada suara. Pesawat terbang ini boleh kita gunakan untuk melindungi udara kita sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, sebagaimana saya katakan tadi sebuah lapangan terbang yang sedang kita rancang akan dibina di Gong

Kedak, juga di sebelah Pantai Timur selain daripada lapangan terbang yang telah ada di Kuantan.

Saya ingin juga menyebutkan di sini apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Ulu Trengganu juga mengenai dengan peranan Angkatan Tentera dalam usaha-usaha menghadapi banjir, khususnya di Ulu Trengganu yang telah sebutkan beberapa hari yang lalu. Ini perlu saya terangkan supaya mengelakkan salah faham khususnya rakyat di Ulu Trengganu. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, tugas menghadapi banjir ini adalah tugas kita bersama khususnya kepada Jawatankuasa Banjir sama ada di peringkat negara, peringkat negeri dan peringkat daerah dan pasukan tentera hanya sebagai salah satu pasukan yang diminta membantu.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa tempat telah mengalami banjir, bukanlah itu di Ulu Trengganu sahaja. Selain daripada Ulu Trengganu kita juga menghadapi bencana banjir ini di negeri Kelantan, Pahang, Johor dan juga di Sarawak. Bot-bot tentera terpaksa dibahagi-bahagikan ke kawasan-kawasan ini dan selain daripada itu juga untuk kegunaan mereka sendiri.

Apa yang saya harapkan kalau ada perkara-perkara seperti ini eloklah Yang Berhormat berhubung dengan Jawatankuasa Banjir di satu-satu daerah atau negeri, janganlah tunggu hingga dibawa ke sini. Saya bimbang kalau keadaan banjir itu membimbangkan mungkin berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini. Walaupun demikian, saya akan mengarahkan pihak-pihak yang berkenaan supaya membuat penyiasatan sekiranya benar apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat itu, kita akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berulang lagi pada masa-masa yang akan datang.

Saya rasa setakat inilah sahaja ucapan saya, sekiranya ada perkara-perkara yang tertinggal yang tidak dapat saya jelaskan, tindakan-tindakan akan diambil jika menasabah dengan tujuan untuk meninggikan lagi mutu pertahanan negara kita. Cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah

diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil tindakan sewajarnya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$92,980,000 untuk Maksud P. 28 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan; Ahli-ahli dikira, 26 hadir).

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriaannya.

Maksud P. 29 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979—

4.34 ptg.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Pengerusi, saya mohon membentangkan Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1979 berjumlah \$49,990 dan mencadangkan supaya diluluskan. Ini ialah untuk Kepala Pembangunan 29 Kementerian Pelajaran, Sarawak Pecahan Kepala 37 Pinjaman kepada Badan Pengurus Sekolah.

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1979 peruntukan tambahan pembangunan sejumlah \$49,990 diperlukan untuk memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi pembinaan dua makmal sains beserta kelengkapannya bagi Sekolah Menengah St. Teresa, Kuching. Hanya peruntukan tanda \$10 sahaja telah disediakan dalam Anggaran Pembangunan 1979. Peruntukan ini tidak dianggarkan pada mulanya kerana tidak dapat dijangka sekolah mana yang memerlukan pinjaman dan sekolah mana yang patut diberi pinjaman. Keterangan bagi peruntukan tambahan yang diperlukan ini terdapat pada muka surat 3 dalam Kertas Perintah 29/79.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Pembangunan P. 29

sebanyak \$49,990 di bawah Kementerian Pelajaran sekarang ini terbuka untuk dibahas. Oleh kerana tiada siapa yang hendak membahas, maka masalahnya ialah bahawa perbelanjaan bagi P. 29 sebanyak \$49,990 iaitu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1980 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$49,990 untuk Maksud P. 29 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1979,

Tuan Pengerusi: Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriaannya.

Maksud B. 31 dan B. 32 dan B. 33 (Jadual)—

Maksud P. 31 dan P. 34 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979)—

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Pengerusi, saya mohon membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1979 untuk Kementerian Kewangan yang meliputi anggaran jabatan-jabatan di bawah portfolio Kementerian Kewangan dan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan.

- (a) Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 berjumlah \$1,107,278,588 di bawah Maksud-maksud B. 31, B. 32 dan B. 33; dan
- (b) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1979 di bawah P. 31 dan P. 34 berjumlah \$35,560,921.

Bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1979 peruntukan sebanyak \$1,915,200 adalah dikehendaki di bawah Maksud Bekalan 31—Perbendaharaan. Sebahagian besar daripada tambahan ini ialah untuk membeli kelengkapan untuk pejabat baru Akauntan Negara termasuklah belanja memasang

telefon PABX yang berjumlah \$250,400. Di samping itu peruntukan tambahan adalah diperlukan juga bagi membayar bil-bil kelengkapan bagi pejabat baru Kementerian Kewangan yang telah dibeli pada tahun 1978.

Bagi Maksud B. 32—Perkhidmatan Am Perbendaharaan—Di bawah Maksud Bekalan 32 ini peruntukan tambahan diperlukan ialah sebanyak \$135,363,388. Daripada peruntukan tambahan itu sejumlah \$109,000,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan skim subsidi bagi minyak petrol dan diesel. Sebahagian daripada tambahan yang dimohon ini iaitu sebanyak \$25 juta ialah untuk membayar kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dalam projek-projek Kerajaan Pusat seperti dipersetujui bayarannya atas kadar 5% daripada kos pembinaan. Baki daripada jumlah peruntukan tambahan yang diperlukan di bawah Maksud ini ialah sebanyak \$1,363,388 adalah sebagai tambahan pemberian Kerajaan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu sebagai menggantikan hasil kutipan yang dipungut oleh Bandaraya tetapi telah digunakan bagi mentadbirkan kawasan-kawasan tambahan Wilayah Persekutuan.

Bagi maksud B. 33 pula peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak \$970,000,000. Sebanyak \$950 juta ialah untuk menambah peruntukan kepada Kumpulanwang Pembangunan iaitu bagi membiayai projek-projek pembangunan yang semakin bertambah. Baki yang dipinta itu ialah untuk Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan yang mana didapati peruntukan asal sebanyak \$50 juta tidak mencukupi disebabkan bertambah ramainya bilangan kakitangan Kerajaan dan ramai pula yang layak memohon pinjaman kenderaan.

Di bawah Maksud Pembangunan P. 31, peruntukan tambahan yang diperlukan ialah sebanyak \$28 juta, iaitu \$8 juta ialah sebagai tambahan ekuiti Kerajaan di dalam Syarikat Malaysia Explosives Sdn Bhd (MALEX) dan tambahan ekuiti ini adalah bagi tujuan membolehkan Syarikat tersebut menambahkan daya pengeluarannya.

Pada 1hb Ogos 1979 Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd telah ditubuhkan. Tujuan Bank ini seperti Ahli-ahli Yang

Berhormat sedia maklum ialah untuk menggalakkan perkembangan perindustrian-perindustrian di Malaysia. Modal yang dibayar (paid-up capital) bagi Bank ini ialah sebanyak \$20 juta. Oleh kerana peruntukan telah tidak disediakan pada tahun ini maka peruntukan tambahan sebanyak \$20 juta adalah diperlukan.

Bagi Maksud P. 34 Jabatan Kastam dan Eksais di Raja adalah memerlukan peruntukan tersebut untuk membina bangunan pejabat dan rumah-rumah kediaman kastam di tempat-tempat tertentu yang akan dilaksanakan. Peruntukan bagi projek ini telahpun disediakan tetapi telah didapati tidak mencukupi. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi tahun ini untuk projek tersebut ialah sebanyak \$7,560,921 iaitu untuk membeli tiga tapak tanah untuk kegunaan Jabatan Kastam.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Maksud Bekalan B. 31, B. 32 dan B. 33 berjumlah \$1,107,278,588 dan Maksud Pembangunan P. 31 dan P. 34 berjumlah \$35,560,921 di bawah Kementerian Kewangan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Yang Berhormat dari Kangar.

4.41 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan tambahan yang telah diminta oleh Timbalan Menteri. Di sini saya bercakap di bawah B. 32 Butiran (Kod) 4100—Bayaran Pindahan.

Tuan Pengerusi, bayaran \$25 juta kepada negeri-negeri yang telah dimaksudkan di sini, saya cuma kalau boleh 5% yang ditetapkan secara sama rata itu saya berpendapat eloklah dinaikkan kepada negeri-negeri yang kurang maju khasnya negeri-negeri pertanian. Kita tahu, Tuan Pengerusi, negeri-negeri pertanian seperti Kedah dan Perlis boleh dikatakan hasilnya tidaklah begitu tinggi sebagaimana negeri-negeri yang ada hasil yang utama seperti bijih, kayu balak dan sebagainya. Sebab itulah Perlis ini sebagai satu negeri

selalu kurang tiap-tiap tahun, kerana hasilnya boleh dikatakan tidak begitu banyak macam perusahaan utama seperti bijih, kalau adapun di Kaki Bukit, itupun terlampau sedikit. Kalau kayu balak lebih lagi sedikit. Perlis memanglah satu negeri yang terlampau kecil dan hasilnya ialah padi.

Padi ini, Tuan Pengerusi, sebagaimana kita sama maklum cara ekonominya tentulah payah untuk menambahkan hasil kepada negeri kerana harganya payah naik, kalaulah hendak naik keadaan negeri-negeri yang tidak tanam padi pula yang rasa tidak begitu puas hati kerana harga padi naik. Dengan sebab itu, Kerajaan terpaksa juga mengawal harga padi dengan kedudukan harga yang ada pada hari ini. Tetapi walau macam manapun, padi adalah mustahak walaupun dari segi ekonomi tidak begitu tinggi dibandingkan dari segi-segi pengeluaran bahan-bahan lain tetapi ada satu perkara yang amat perlu kepada manusia yang mahu menggunakan padi untuk makan. Jadi dengan sebab itu, walaupun di segi lain dengan sebab macam saya katakan kurang di negeri-negeri yang saya maksud seperti di Kedah dan Perlis, alangkah baiknya pembahagian sama rata 5% kepada tiap-tiap negeri itu kalau boleh ditarik balik dan dibuat berapa peratus beri kepada negeri yang kurang maju macam Perlis berilah sampai 10% hingga 20%. Jikalau diberi 5%, saya berpendapat kalau yang maju itu maju juga dapat 50% juga. Jadi yang kurang maju itupun dapat 50% juga. Saya mencadangkan kepada negeri yang kurang maju lebihkan pemberian peratus itu.

Tuan Pengerusi, saya bercakap juga peruntukan sebanyak \$109 juta yang diperlukan bagi subsidi minyak termasuk minyak diesel. Tentang subsidi yang diberi oleh Kerajaan itu, saya ucapkan terima kasih kerana adanya subsidi inilah boleh dikatakan tambang teksi, bas dan sebagainya tidak begitu melambung tinggi. Tetapi walau macam manapun setelah kejadian baru-baru ini berlaku di Perlis kerana kekurangan minyak diesel yang dipegang oleh kedai-kedai yang tidak bertanggungjawab dan tidak dipegang oleh Kerajaan, dengan sebab itu banyakkah petani-petani khasnya yang bersangkutan dengan traktor tanah dan sebagainya tidak boleh berjalan. Kadang-kadang terpaksa pergi ke tempat menjual

minyak sampai berkali-kali tidak dapat, akhirnya berulang-alik dengan rugi masa dan wang.

Tuan Pengerusi, setahu saya negeri lain stesyen minyak ini telah diadakan oleh PETRONAS. Saya berharap di Perlis ini patutlah diadakan satu stesyen. Ini selalu dirayu dan digesa walaupun dari segi manapun kalaulah kita kata Badan Perniagaan Malaysia bermesyuarat, salah satu syornya inilah yang didesak, kalau Mesyuarat Persatuan Pengguna inilah juga yang didesak dan ini termasuklah parti politik. Jadi stesyen minyak diesel di Perlis ini sangat-sangatlah dikehendaki dan saya berharap sangat-sangat.

Tentang subsidi, saya juga mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Ini cara jangka pendek tetapi jangka panjangnya patutlah stesyen minyak diadakan di Perlis.

Tuan Pengerusi, begitu juga dalam B. 33 dalam segi membaiki bangunan saya ucapkan terima kasih. Ada setengah-setengah bangunan di Kuala Lumpur ini tidak ada alat berhawa dingin dua tiga tahun lepas dengan sebab itu pegawai-pegawai yang bekerja tidak begitu seronok kerana panas, kadang-kadang terpaksa pasang kipas. Akibatnya segala surat-surat yang ada di atas meja berpusing-pusing kerana ada kipas jadi serba salah. Kalau hendak pasang kipas macam dalam Parlimen ini banyak surat akan berterbangan ke sana sini, tetapi kalau tidak pakai kipas, badan pula panas. Jadi dengan adanya bilik berhawa dingin di tiap-tiap tempat yang telah ada diberi peruntukan ini saya yakinlah pegawai-pegawai akan bekerja dengan lebih baik.

Saya yakin juga kalau ada pembayaran-pembayaran yang lambat dibayar khasnya kepada pemborong-pemborong bumiputra, dengan adanya alat yang cantik bangunan yang indah dan baik di luar mahupun di dalam akan dibereskan. Kalau tidak berespun saya harap sangat-sangatlah janganlah elok bangunan dan lengkap dengan hawa dingin tetapi kerja tidak sempurna. Saya minta maaf, tidak semua pegawai-pegawai, saya tidak menuduh kesemua, ada juga pegawai-pegawai ini seperti pernah saya kata di dalam Dewan ini pukul 7.30 pagi sudah sampai ke

pejabat dan 5.30 tidak balik lagi. Ada setengah itu seperti kata pepatah Melayu dalam setandan nyior itu bukan semuanya baik. Tetapi walau macam manapun saya yakin dan saya berharaplah dengan tambahan yang diminta untuk membaiki bangunan ini, maka perlaksanaannya, terutama sekali dari segi pembayaran kepada pemborong-pemborong bumiputra akan dapat dijalankan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, satu lagi tentang Maksud B. 33, Butiran (Kod) 4100—(6) Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan. Saya tahu daripada kawan-kawan saya pegawai-pegawai Kerajaan yang bukanlah jawatan tinggi, katanya kadar pinjaman yang diberi \$9,000. Tuan Pengerusi, harga barang semuanya naik, termasuk harga motokar. Jadi kalau seorang hendak membeli motokar baru dengan had pinjaman kadar \$9,000 sekarang tidak dapat beli. Harga motokar \$9,000 sudah tidak ada. Sekarang ini bukan zaman untuk motokar \$9,000. Sekarang ini setakat \$13,000 hingga \$14,000 ke atas, itu tidak termasuk Mercedes 240D, 300D, tetapi ini jenis petrol. Saya berpendapat patutlah dinaikkan kadarnya; kalau hari ini \$9,000 kepada \$13,000 ataupun \$14,000. Jangan ada dua pinjaman yang pertama daripada Kerajaan, faedah yang dikenakan oleh Kerajaan terlalu murah kalau tidak silap saya dalam 4%. Yang kedua, hire purchase yang faedahnya terlampau tinggi. Kalau hendak beli, tetapi tidak hendak pinjam jadi serba salah. Jadi dengan sebab itu berilah kadar yang mencukupi untuk membeli sesebuah motokar.

Tuan Pengerusi, setakat itulah sahaja dan saya berharap sangat-sangatlah rayuan dan syor saya ini yang saya percaya untuk kebaikan rakyat semua akan dapat ditimbang oleh Timbalan Menteri berkenaan yang saya percaya amat baik budi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling.

4.49 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, saya mahu timbulkan dua perkara sahaja. Perkara pertama ialah Maksud B. 33 Butiran (Kod) 4100—Bayaran Pindahan, (5)

Kumpulanwang Pembangunan di mana sebanyak \$950,000,000 adalah dikehendaki bagi menambah peruntukan Kumpulanwang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan. Dalam perkara projek-projek pembangunan, kita semua sedar dan tahu bahawa sikap Kerajaan Barisan Nasional sangat tidak adil dan Kerajaan menjalankan dasar diskriminasi.

Saya sebutkan mengenai dasar pembangunan di mana kawasan-kawasan Parlimen yang diduduki oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional mendapat wang pembangunan setahun sebanyak \$100,000 tetapi untuk kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pihak Pembangkang tidak ada peruntukan diberi untuk pembangunan melalui Wakil Rakyat. Inilah satu dasar atau satu sikap yang sangat tidak patut, pertama sekali, oleh kerana apabila pihak Kerajaan mengutip cukai daripada rakyat dan daripada penduduk-penduduk di tanahair kita tidak ada perbezaan bahawa penduduk-penduduk di kawasan Pembangkang tidak payahlah membayar cukai, hanya pengundi-pengundi Barisan Nasional dikehendaki bayar cukai; sebaliknya pengundi-pengundi Barisan Nasional mendapat untung dan faedah pembangunan, tetapi semua rakyat baik pun dalam kawasan pembangkang membayar cukai. Sebenarnya kalau saya tidak silap penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan Pembangkang oleh kerana lebih ramai orangnya maka banyak cukai dibayar, tetapi dalam perkara ini sudah berapa tahun sikap ini terus dijalankan, dasar ini dijalankan, ini tidak adil.

Yang keduanya, ini juga melanggar jaminan yang terdapat dalam Constitution atau Perlembagaan kita bahawa sesiapa pun tidak akan didiskriminasikan oleh kerana kepercayaan politiknya dan kalau dasar ini terus dijalankan, ini akan merupakan satu jenis political discrimination.

Yang ketiga, yang lebih mustahak ialah setelah Kerajaan ditubuhkan selepas pilihanraya, ia disifatkan sebagai sebuah Kerajaan untuk semua rakyat, bukan untuk setengah-setengah rakyat atau separuh rakyat dan tanggungjawab Kerajaan dalam perkara pembangunan ialah terhadap rakyat

belaka, tidak kira kepercayaan politiknya. Saya harap Yang Berhormat Menteri apabila memberikan satu jawapan bolehlah, dengan sendiri atau melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa satu kajian diadakan oleh Menteri-menteri yang berkenaan atau oleh Kabinet supaya dasar diskriminasi ini boleh dihentikan. Dalam perkara pembangunan di mana adanya peruntukan melalui Ahli-ahli Parlimen bolehlah direkomen atau approve projek-projek pembangunan kecil sehingga \$100,000 setahun pada satu kawasan boleh diberi kepada semua kawasan di negara kita. Ini bukanlah oleh kerana ada apa-apa hujah iaitu ada orang yang tidak mahu pembangunan; saya ingat pada satu masa dahulu ada seorang back-bencher Kerajaan mengatakan bahawa Pembangkang atau rakyat dalam kawasan Pembangkang tidak mahu pembangunan. Saya rasa inilah satu hujah yang tidak berasas. Sesiapapun mahukan pembangunan, dia berhak untuk mendapat pembangunan oleh kerana dia membayar cukai.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, Butiran (Kod) 4100—(13) 5% Kos Perkhidmatan bagi Negeri-negeri, di mana Kerajaan telah membuat keputusan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dengan cara memberi sumbangan sebanyak 5% daripada kos perkhidmatan atau pekerjaan bagi tiap-tiap projek Persekutuan di dalam negeri masing-masing. Tuan Pengerusi, ada negeri-negeri yang kecil; tadi disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar iaitu sumber pendapatan mereka terhad menghadapi masalah mendapatkan wang untuk pembangunan. Saya harap inilah satu cara di mana bantuan boleh diberi kepada negeri-negeri tersebut dalam menjalankan perkhidmatan negeri-negeri ini. Saya tidak tahu bagaimana cara ini dibahagikan dan saya mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu gambaran mengenai peruntukan \$25 juta ini, bagaimana angka ini akan dibahagikan kepada setiap negeri. Oleh kerana kepada negeri-negeri yang sumber pendapatannya terhad tidak akan dapat bahagian yang cukup, ini juga tidak ada ertinya dan mungkin satu cara di mana peruntukan ini ditujukan dengan satu matlamat bahawa negeri-negeri yang mundur, negeri-negeri yang sumber pendapatannya

terhad boleh dapat peratus bantuan yang lebih tinggi. Antara lain mungkin adakan satu kiraan atau kajian untuk meninggikan peratus ini yakni sekarang 5% ditingkatkan kepada 10%. Kita sekarang sungguhpun menjadi sebuah negara yang federal, tetapi dengan nama sahaja federal, kuasa-kuasa pusat tahun demi tahun sangat kuat at the expense of Kerajaan-kerajaan Negeri dan inilah antara perkara-perkara yang perlu mendapat pertimbangan kalau kita tidak mahu satu keadaan di mana sebenarnya kita sudah sampai ke satu unitary state sungguhpun negara federal wujud dengan nama sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Panti.

4.59 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan tambahan yang dipohon dan saya ingin menyentuh Maksud B. 33, Butiran (Kod) 4100 (5) Kumpulanwang Pembangunan.

Tuan Pengerusi, di sini saya bangun pertama untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan melalui Kementerian Kewangan yang telahpun dalam masa akhir-akhir ini, setahun dua ini telah memberikan peruntukan untuk pembangunan-pembangunan kecil, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Walaupun ada pihak-pihak yang tertentu terutama sekali Pembangkang, khasnya DAP yang mengatakan tidak adil kerana Kerajaan hanya memberikan peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negeri daripada Barisan Nasional. Seolah-olahnya parti DAP tidak sedar atau tidak mahu sedar ataupun tidak faham sistem pemerintahan demokrasi berparlimen secara parti yang ada sekarang ini. Dan saya percaya kalau parti beliau itu menguasai negara kita barangkali lebih dahsyat dibuatnya.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, adalah penting dan perlu peruntukan ini dilanjutkan. Saya bagi pihak pengundi-pengundi saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional di atas keadilan yang dilakukan kerana masyarakat di luar-luar bandar selalu menimpa kesusahan dan kemalangan, maklumlah mereka berjalan di atas tanah

merah, kadang-kadang tidak ada elektrik, ada jalan batu dan kadang-kadang langsung tak ada tanah merah, berjalan di atas jambatan, titian yang dibuat daripada kayu bulat dan sebagainya, mereka meminum air perigi yang mereka gali sendiri yang tidak ditapis yang mana ini semuanya tidak diambil kira oleh pihak Pembangkang kerana Pembangkang kebanyakannya duduk dalam bandar-bandar besar. Mereka hanya berani mewakili rakyat di dalam bandar-bandar besar sahaja sebab rakyat dalam bandar-bandar besar ini semuanya sudah mewah, banyak kemudahan-kemudahan itu, tetapi cubalah lihat, cubalah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang pergi ke kampung-kampung, tengok kehidupan rakyat di kampung-kampung

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Sewaktu Yang Berhormat itu bercakap tadi, saya tidak mengganggu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada lihat sendiri, saya faham.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, masa Yang Berhormat itu berucap tak ada siapa yang mengganggu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan mengganggu!

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Dan saya juga tidak suka diganggu bila saya berucap.

Tuan Pengerusi, oleh kerana memandangkan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat di luar bandar yang boleh dikatakan mereka itu kesemuanya penyokong kepada Kerajaan, selalunya bila jalan mereka rosak, jambatan mereka itu patah, perigi mereka tidak berair hendak digali balik semula, kalau hendak melalui saluran-saluran yang rasmi memakan masa. Umpamanya, permohonan melalui Pejabat Pembangunan Luar Bandar, melalui Pegawai Daerah dan sebagainya kadang-kadang 3-4 bulan baru mendapat jawapan daripada Pegawai Daerah sedangkan mereka memerlukan jambatan yang cepat, yang siap dalam masa seminggu.

Jadi dengan adanya pihak Kerajaan Barisan Nasional, melalui Kementean Kewangan

memberikan peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen, ahli-ahli Dewan Undangan Negeri maka bantuan cepat, bantuan kilat boleh dikeluarkan apabila Ahli-ahli Yang Berhormat itu melawat ke kawasan-kawasan atau rakyat yang mengadu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberikan pertolongan, ini sangat berkesan sekali. Oleh kerana pengalaman selama dua tahun atau setahun ini saya memikirkan bahawa peruntukan \$100,000 bagi Ahli Parlimen Barisan Nasional saya rasa tidak mencukupi. Saya harap melalui Dewan yang mulia ini, melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kalau boleh bukan sekadar \$100,000 tetapi dilipatgandakan sehingga \$300,000 kerana kesannya begitu baik sekali kepada pembangunan di luar bandar dan kita jangan peduli apa orang lain

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat menuduh bahawa ahli-ahli DAP bukan rakyat atau manusia kerana mereka tidak dapat peruntukan ini?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, saya sedar dan barangkali Yang Berhormat itu sedar. Pembangunan yang ada, sama ada di luar bandar atau dalam bandar ini bukan dinikmati oleh Ahli-ahli Barisan Nasional—Ahli-ahli UMNO, MCA atau MIC sahaja, umpamanya, jalanraya yang Kerajaan buat sekarang ini, adakah Ahli Yang Berhormat itu tidak berjalan di atas jalanraya yang dibuat oleh Kerajaan? Bekalan air yang disediakan oleh Kerajaan hari ini adakah pihak Pembangkang tidak meminum air yang disediakan oleh Kerajaan hari ini? Api elektrik, telefon dan sebagainya. Maknanya

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan!

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa Wakil Rakyat DAP juga adalah dipilih oleh rakyat?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak apa? Penjelasakah?

Tuan Chan Teck Chan: Penjelasan!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu tak beri jalan, sila duduk!

Tuan Chan Teck Chan: Jangan takut! Kalau mahu biar saya jelaskan supaya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk! Ahli Yang Berhormat itu tidak beri jalan

Tuan Chan Teck Chan: Takut! Apa itu?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, masalahnya bukan takut, lepas saya bercakap nanti, Ahli Yang Berhormat itu boleh memberikan ucapannya.

Tuan Chan Teck Chan: Itu sebab saya menjelaskan bahawa Wakil Rakyat DAP juga dipilih oleh rakyat.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Jangan cuba ganggu saya bercakap!

Tuan Chan Teck Chan: Bukan, kalau tidak, apa sebab DAP duduk di sini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka tolong duduk.

Tuan Chan Teck Chan: Beri chance saya bercakap sekarang.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Saya mencadangkan kepada Tuan Pengerusi supaya Ahli Yang Berhormat itu diambil tindakan disiplin kerana tidak mahu mematuhi perintah daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Chan Teck Chan: Saya minta kebenaran dari Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya sudah kata tolong duduk.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan, kalau Yang Berhormat itu boleh bagi jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu sekarang tak boleh bagi jalan.

Tuan Chan Teck Chan: Okay, kalau tak boleh sudah, apa boleh buat. Janganlah tuduh kalau takut!

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Saya tak beri jalan. Selepas saya berucap nanti, Ahli

Yang Behormat boleh minta kepada Tuan Pengerusi untuk memberikan ucapan.

Tuan Pengerusi, kalaulah itu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada pihak-pihak Pembangkang, terutama sekali DAP, seolah-olah mereka itu apa yang dikatakan 'tidak sedar' yang mana bila projek-projek pembangunan ini diluluskan atau diberikan kepada pembangunan luar bandar atau dalam bandar bukan kepada ahli-ahli daripada parti ataupun rakyat yang menyokong Kerajaan sahaja tetapi semua rakyat, termasuklah Pembangkang kerana setiap orang sama ada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri atau Dewan Rakyat, kita yang daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat yang ada sekarang ini, terutama sekali kita yang daripada Barisan Nasional umpamanya bukan semua dalam kawasan kita itu penyokong Kerajaan, ada juga dalam kawasan kita yang daripada PAS, daripada DAP, daripada berbagai-bagai parti yang lain lagi. Tetapi dengan sebab polisi dan dasar dipegang oleh Barisan Nasional maka hari ini saya harap Kerajaan Barisan Nasional akan tetap hidup, akan tetap kuat dan akan mendapat sokongan daripada rakyat kerana Barisan Nasional menjalankan dasarnya dengan cukup adil, sesuai dengan simbol yang kita pakai, iaitu Dacing—keadilan.

Tuan Pengerusi, untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat itu untuk memberikan hujahnya pula, saya sokong permohonan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

5.05 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian bukan hendak masuk campur atau dalam pertengkaran tadi tetapi ialah untuk membicarakan juga Butiran (Kod) 4100—(5) Kumpulanwang Pembangunan.

Saya bukan hendak menyentuh di sini tentang pembahagian \$1,000 atau \$2,000 atau \$3,000 kepada rakyat dalam masalah ini kerana memang sudah diketahui bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional hanya sanggup melaungkan keadilan tetapi tidak menghargai ketentuan rakyat daripada

kawasan-kawasan yang tertentu untuk memilih wakil yang mereka pilih. Tetapi di sini saya hendak menimbulkan masalah pembahagian peruntukan-peruntukan yang telah ditentukan oleh Kerajaan kepada wakil-wakil Barisan Nasional itu bukan sangat digunakan untuk pembangunan tetapi ialah digunakan untuk kepentingan politik peribadinya dalam banyak hal. Dengan sebab itulah maka perbelanjaan-perbelanjaan yang digunakan kadang-kadang hanya untuk membeli baju bola ataupun mengadakan jamuan-jamuan sahaja ataupun projek-projek yang tidak memikirkan ekonomi tetapi memikirkan kepentingan politik diri dan ini bukanlah suatu hal yang dapat disembunyikan kalau mereka itu jujur untuk memperkatakan yang benar.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang pembahagian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya juga bersama-sama dengan ahli-ahli yang lain bahawa peruntukan-peruntukan kepada negeri-negeri ini haruslah ditimbang berdasar kepada keadaan dan kedudukan negeri-negeri itu dari segi pembangunan dan dari segi kemajuannya. Sekarang ternyata bahawa Kerajaan sendiri mengakui walaupun Kerajaan Barisan Nasional memerintah begitu lama, misalnya negeri-negeri Kedah dan Perlis dan beberapa negeri yang lain adalah di antara negeri-negeri yang mundur dan mereka hanya menuduh pada waktu dahulu hanya Kelantan sahaja yang mundur, kerana PAS memerintah. Tetapi ternyata bahawa keadaan yang sebenarnya ialah negeri-negeri yang diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional juga banyak yang mundur dan banyak yang mengalami keadaan-keadaan kepincangan-kepincangan yang lebih dahsyat daripada yang dialami oleh Kerajaan Kelantan sewaktu PAS memerintah kerana adanya diskriminasi-diskriminasi di dalam memberi bantuan-bantuan kewangan kepada negeri-negeri. Hakikat ini adalah jelas, yang tidak boleh dinafikan oleh Barisan Nasional dan tidak perlu mereka menegakkan benang basah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran (Kod) 4100, iaitu Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan yang diperuntukkan sebanyak \$20 juta.

Tuan Pengerusi, dahulu pinjaman-pinjaman ini tidak dikenakan apa-apa interest dan tidak dikenakan apa-apa pun tambahan apabila seseorang itu meminjam untuk membeli kenderaan demi kepentingan urusan-urusan mereka. Tetapi apakah lojiknya Kerajaan mengenakan pula 4% sebagai tambahan daripada pembayaran yang dibuat oleh pegawai-pegawai. Padahal Kerajaan juga menyatakan bahawa ini hanyalah service charge sahaja ataupun urusan-urusan pengendalian dan pengurusan pinjaman-pinjaman itu sahaja. Mengapakah tidak dinamakan terus itu sebagai satu service charge tetapi dinamakan interest kerana Kerajaan bukan hendak mengambil untung daripada pinjaman-pinjaman itu. Ini hanyalah untuk menekankan dasar riba atau dasar interest yang kadang-kadang apabila di dalam saat adanya perkembangan kesedaran Islam, orang begitu berhati-hati untuk melibatkan diri dalam perkara-perkara yang demikian. Ini boleh dilakukan oleh Kerajaan tetapi saya kurang faham bagaimana hendak menekankan pinjaman yang seperti inipun yang Kerajaan tidak berminat untuk mengambil untung tetapi Kerajaan mengenakan sistem ini.

Kalau dihapuskan sistem ini Kerajaan dapat melaksanakannya dan kalau dikatakan itu hanya service charge sahaja maka boleh pegawai-pegawai itu membayarnya dengan rela hati kerana itu hanyalah belanja pengurusan yang dikenakan oleh Kerajaan dan tidak pula bertentangan dengan pegangan dan prinsip agama mereka. Kerana itulah ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang mula berminat tentang agama, yang mula hendak mengamalkan ugamanya menghadapi kesulitan-kesulitan ini.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengisytiharkan sahaja bukannya hendak melibatkan kewangan yang banyak, bahkan kalau Kerajaan mengisytiharkan sahaja mengikut betul-betul, ini adalah perbelanjaan untuk pengurusan walaupun 5% saya rasa sanggup dibayar oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Jadi mentality untuk mempertahankan sistem ini terus-menerus walaupun dahulu di zaman penjajahan tidak ada, walaupun tidak ada halangan kepada Kerajaan untuk mengenakan sesuatu tambahan tetapi Kerajaan terus hendak

menekankan untuk mewujudkan sistem ini juga. Ini adalah suatu yang menunjukkan bahawa kita masih tebal dengan colonial mentality, walaupun itu adalah merugikan kita tetapi kita terus juga melaksanakannya, walaupun ada jalan keluar untuk mengenakan juga tambahan itu dengan membuat suatu pengisytiharaan Kerajaan tidak sanggup melakukan ini, sudah lama perkara ini berjalan terus padahal di zaman penjajahan dahulu tidak kena apa-apa tambahan pun.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.13 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil bahagian dalam perbincangan sekarang.

Tuan Pengerusi, tadi kita ada mendengar suara dari Ahli Yang Berhormat dari Panti yang mengatakan keadilan pemerintahan sistem Kerajaan Barisan Nasional adalah adil. Kalaulah kita kaji cara untuk pemberian peruntukan, saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Panti di manakah keadilan.

Tuan Pengerusi, saya tidak mempersoalkan bahawa jumlah peruntukan yang akan diberikan ini, tetapi saya hanya akan mempersoalkan cara pemberian peruntukan, baik kepada setiap negeri atau kepada Wakil-wakil Rakyat. Bolehkah kami sebagai Wakil Rakyat dari pihak Pembangkang dinafikan bahawa kami bukanlah Wakil Rakyat? Kalaulah ya, bagaimana kita boleh duduk di sini bersama-sama untuk membincangkan, bertukar-tukar fikiran mengenai masalah kebangsaan, masalah rakyat. Apakah sebab hanya Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional diperuntukkan satu perbelanjaan untuk membangunkan kawasan masing-masing, pada pihak yang lain, DAP dan parti Pembangkang yang lain sudah dinafikan hak asasi itu. Bukankah ini merupakan satu abuse of power dan juga satu diskriminasi terhadap diri kita.

Kalau kita mahu sistem demokrasi berparlimen, kalau kita mahu mempersoalkan dan membuktikan keadilan, di manakah keadilannya. Kalaulah DAP memerintah Malaysia, saya memberikan jaminan semua Wakil Rakyat baik Pembangkang atau

Barisan Nasional akan diberikan satu peruntukan yang adil, tetapi tidaklah seperti Ahli Yang Berhormat dari Panti, katanya ini adalah keadilan. Kalau mahu bercakap, saya boleh beri jalan. Itu saya tidak khawatir. Fact, Tuan Pengerusi.

Di sini saya hendak memberikan satu amaran kepada Kerajaan Barisan Nasional dari segi undang-undang ini adalah salah, satu amalan yang salah untuk mendiskriminasikan rakyat yang mengamalkan hak asasi mereka untuk mengundi memilih Wakil Rakyat mereka. Kalau Barisan Nasional adalah sebuah parti yang menjunjung tinggi prinsip dan semangat keadilan dan demokrasi, maka kita semua Wakil Rakyat perlu diberikan satu layanan yang sama untuk membangunkan negara kita, untuk menjaga kebajikan rakyat kita. Bolehkah umpamanya kawasan saya Kota Melaka nampaknya rakyat yang memilih kita kerana ia memilih parti Pembangkang maka segala pembangunan akan dinafikan. Adakah ini demokrasi yang dimaksudkan oleh Barisan Nasional? Adakah ini keadilan yang diertikan oleh Barisan Nasional, di mana adanya keadilan?

saya sudah kata kalaulah ada peluang bagi satu state pada parti DAP memerintah kita akan cuba, kita akan cuba menunjukkan cara-cara bagaimana memerintah negara kita, dan juga peristiwa petang ini tentu tidak akan berlaku, arrangement untuk menjawab, membawa, membentangkan undang-undang inipun tidak ada orang sehingga Dewan ditangguhkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong tumpukan pada butiran.

Tuan Chan Teck Chan: Terima kasih.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya apa yang saya suka menyampaikan ialah mungkin amalan ini perlu dicabar di mahkamah baru kita tahu adakah ini abuse of power atau tidak dengan peruntukan kepada Wakil Rakyat dari Barisan Nasional sahaja dan parti Pembangkang Wakil Rakyatnya dinafikan. Mungkin itu perlu diuji di mahkamah baru kita tahu adakah ini satu diskriminasi dan satu abuse of power. Kalau masa mengizinkan biarlah kita sama-sama menyaksikan adakah keadilan demokrasi yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti itu betul atau

tidak betul, adakah salah atau tidak salah dari segi undang-undang.

Tuan Pengerusi, di sini saya perlu sekali lagi menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sistem dan amalan hanya memberikan peruntukan pembangunan kepada Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional ini perlulah dibetulkan.

Saya tidak menentang memberikan peruntukan kepada Wakil-wakil Rakyat. Ini adalah baik juga tetapi layanannya, cara pemberiannya adalah salah malah boleh berlaku penyelewengan, diskriminasi dan menyalahgunakan kuasa.

Yang pertama, saya mahu meminta siapa yang ada dalam Dewan ini dari pihak Barisan Nasional memberi satu jawapan kepada saya, adakah Wakil-wakil Rakyat dari barisan Pembangkang ini merupakan Wakil Rakyat yang sah, adakah mereka juga dipilih oleh rakyat? Kalau dikatakan tidak, biarlah undang-undang dan Tuan Pengerusi memutuskan kedudukan kita. Kalau ya, maka saya hendak tanya apa sebab DAP dan parti Pembangkang dinafikan hak asasi untuk menolong negara, untuk membangunkan Malaysia dan dinafikan hak untuk menjaga, memperlindungi kebajikan rakyat Malaysia.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Chan Teck Chan: Boleh, silakan!

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu, adakah beliau dapat menafikan bahawa majoriti rakyat Malaysia memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional setiap tahun. Adakah ini dapat dinafikan oleh Ahli Yang Berhormat itu?

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Panti itu masih jahil dalam politik dan makna mengenai prinsip demokrasi. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari Panti, adakah DAP dan Wakil-wakil Rakyat yang ada di sini yang juga dipilih oleh rakyat melalui sistem demokrasi, atau adakah dua sistem demokrasi dan dua cara pilihanraya yakni satu ialah dipilih oleh rakyat, kita bukan dipilih oleh rakyat, hanya curi masuk ke sini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya benarkan berbahas sedikit, tetapi kita dalam Jawatankuasa merundingkan perkara-perkara tertentu. Oleh itu saya minta Ahli Yang Berhormat tumpukan kepada perkara-perkara tertentu iaitu Butiran-butiran 4100 dan 5100 di bawah Kementerian Kewangan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya hendak menjawab hujah-hujahnya dan juga menunjukkan DAP adalah adil dan berani menghadapi cabarannya. Tak usah khuatir saya tak mahu give way apa hendak takut, kalau mahu sekali lagipun saya boleh beri jalan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, ini bukan soal berani atau takut. Ini soal tumpukan kepada perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Itu sahaja.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: (*Bangun*).

Tuan Chan Teck Chan: Dia hendak bertanya, boleh. Silakan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, dia sudah mengeluarkan perkataan "jahil". Tak apalah, saya anggap Ahli Yang Berhormat itu "lebih jahil" lagi tentang sistem majority, memang kita tidak menafikan yang beliau itu Wakil Rakyat, tetapi kita mendapat majority di seluruh Malaysia sehingga dapat memerintah (*Tepuk*) dan kita memerintah DAP sekarang supaya

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, terima kasih tepukan diberikan. Saya bertanya adakah Wakil Rakyat DAP juga sebagai Wakil Rakyat yang dipilih rakyat? Kalau tadi Ahli Yang Berhormat dari Panti sudah mengakui ya, maka selesailah masalahnya. Ertinya berlaku abuse of power dan diskriminasi dalam pemberian peruntukan kepada Wakil Rakyat, kalau kita mahu menyanjung tinggi sistem demokrasi dan keadilan semua Wakil Rakyat di sini, tentu diberi layanan yang sama. Umpamanya, layanan keadilan diberikan oleh Tuan Pengerusi, kalau DAP hendak bercakap berilah peluang, takkan kata hendak menafikan hak dan peluang DAP di sini. Itu barulah bermakna di dalam Dewan yang mulia ini ada keadilan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya cuma beri satu minit lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Panti itu perlulah belajar sedikit mengenai apakah maknanya demokrasi dan keadilan. Di sini saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu penjelasan iaitu apakah sebab berlakunya satu diskriminasi dan abuse of power di dalam peruntukan wang kepada Wakil-wakil Rakyat di antara Pembangkang dan parti pemerintah. Di sini saya perlu menegaskan wang peruntukan itu bukanlah wang daripada parti Barisan Nasional, UMNO atau MCA. Wang itu adalah wang rakyat, wang negara, wang saya juga dan termasuk wang Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi apakah sebabnya rakyat Malaysia dibahagikan kepada dua golongan iaitu satu pihak pemerintah dan satu pihak Pembangkang. Ini adalah satu amalan yang sangat serius dan sangat merbahaya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.24 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya turut bangun kerana tertarik hati di atas hujah-hujah yang diberikan oleh pihak Pembangkang.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*) (*Takut, takut!*)

Tuan Pengerusi: Saya minta Dewan yang mulia ini dihormati.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Baru sebentar tadi, Tuan Pengerusi, kita mendengar bahawa parti DAP sedang mencabar kita tentang keadilan, tentang gentleman kita memerintah negara ini, tetapi bila saya bangun untuk bercakap wakil dari Kota Melaka dahulu bangun hendak keluar Dewan dan tidak mahu mendengar

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*) (*Disampuk*)

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi, negara kita adalah sebuah negara demokrasi di mana setiap 5 tahun kita

meminta kuasa daripada rakyat untuk memerintah negara ini. Tadi sama-sama kita mendengar jurucakap dari DAP, wakil dari Kota Melaka meminta Kerajaan Barisan Nasional memberi kuasa memerintah sebuah negeri. Adakah ia tidak faham cara pemerintahan demokrasi negara ini? (*Tepuk*)

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tolong duduk dahulu.

Tuan Chan Teck Chan: Saya tidak keluar.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi, masa beliau bercakap tadi, saya sedikit pun tidak mengganggu, saya tidak bangun, beri peluang saya bercakap.

Tuan Pengerusi: Betul, saya beri peluang bercakap dalam Jawatankuasa dan tolong tumpukan kepada butiran-butiran yang tertentu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ya, Tuan Pengerusi, Butiran 4100. Saya berbalik kepada peruntukan yang diminta untuk pembangunan itu. Wakil dari Kota Melaka meminta Kerajaan Barisan Nasional memberi peluang kepada DAP memerintah sebuah negeri yang hendak menunjukkan bahawa mereka boleh membuat pembangunan. Ini menunjukkan dan membuktikan dengan jelasnya bahawa DAP tidak faham pemerintahan demokrasi negara ini. Kalau mereka faham bukan hendak meminta kuasa itu kepada Kerajaan Barisan Nasional, sepatutnya kita hendak meminta kuasa memerintah kepada rakyat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, tolong duduk dulu!

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi, semasa Ahli Yang Berhormat daripada PAS bercakap tadi, saya tidak mengganggu sekarang saya beri peluang.

Tuan Pengerusi: Betullah itu. Tetapi tungguhlah sekejap.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi yang memberi arahan, bukan wakil dari Kota Melaka.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan apa yang dicakapkan itu di dalam bahasa mana atau butiran mana kerana kalau kita menjadikan Dewan ini untuk menimbulkan perkara-perkara yang tidak senonoh semacam itu tentulah urusan-urusan yang ada tidak beres, tidak akan habis sedangkan kita banyak lagi Kementerian.

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu, Ahli Yang Berhormat. Ini bukan soal tata-tertib ataupun Standing Orders. Sekarang saya minta Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau teruskan, tetapi saya minta tumpukan kepada butiran-butiran yang berkenaan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi, lagi sekali saya tegaskan dalam Butiran 4100—Pemberian Sementara kepada Dewan Bandaraya di bawah Pembangunan.

Tuan Pengerusi, sudah memberi peluang tadi kepada pihak Pembangkang daripada DAP bercakap, menghujah dan telah menghentam Barisan Nasional dengan berbagai alasan yang tidak menasabah. Begitu juga pihak PAS tadi semasa beliau bercakap saya sedikit pun tidak mengganggu. Sebagai seorang anggota Barisan Nasional yang bersikap gentleman kita memberi peluang . .

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Beri jalan atau tidak?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tidak.

Tuan Pengerusi: Tidak beri, sila duduk!

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ini baru jadi Pembangkang dalam Dewan ini sudah hendak menahan orang bercakap, kalau mereka itu berkuasa, saya fikir kita semua ditutup mulut akan dijahit mulut kita. Inilah rupa pihak Pembangkang yang berteriak mahukan keadilan, berteriak begitu-begini, tetapi baru saya hendak menjawab, saya cuba hendak

memberi penjelasan sudah hendak ditahan. Ini kuasa Speaker hendak diambil alih oleh pihak Pembangkang ini (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Ini tak mengapa, riuh sekali sekala tidak mengapa (*Ketawa*)

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi, semasa Tuan Pengerusi tidak ada dalam Dewan ini tadi, semasa Timbalan Pengerusi berada, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta belas kasihan Barisan Nasional berilah kepadanya negeri Melakakah, Pulau Pinangkah kepada Parti DAP untuk berkuasa.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Adakah hendak memberi apa-apa penjelasan lagi?

Tuan Chan Teck Chan: Saya suka hendak menerangkan kenyataan itu.

Tuan Pengerusi: Duduk dahulu! Apa yang dibahaskan di sini semuanya saya dengar.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya suka memberi penerangan kepada Parti-parti Pembangkang untuk mendapat kuasa hendak memerintah negeri ini bukanlah hendak minta belas kasihan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Tempatnya tuan-tuan patut minta ialah kepada rakyat dan masanya dalam Pilihanraya Kebangsaan, bukan dalam Dewan yang mulia ini. Ini yang saya hendak beri penjelasan.

Kemudian wakil dari Kota Melaka itu juga merayu-rayu, mendayu-dayu minta yang \$100,000 itu dipanjangkan kepada ahli-ahli Pembangkang. Tidak payah merayu, tidak payah buat surat sembah, masuk sahaja Barisan Nasional, dapatlah dengan pundinya (*Ketawa*). Tidak payah merayu, saya sendiri akan membawa cadangan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan \$100,000, kalau mereka berani masuk ke dalam Barisan Nasional \$200,000 kita akan cadangkan kepada kawasan-kawasan itu . .

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Wakil dari Baling daripada PAS tadi telah pertikaikan faedah 5% iaitu yang dikenakan atas pinjaman ini.

Hari ini baru saya dengar mereka itu mempertikaikannya. Selama 18 tahun mereka memerintah di Kelantan tidak pernah bangkit perkara ini. Apakah selama ini perkara 5% ini halal?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu!

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya minta hendak memberi penjelasan, Tuan Pengerusi. Perkara yang saya sebutkan tadi bukan fasal pinjaman kepada negeri tetapi pinjaman membeli motokar oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Baik, teruskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Selama 18 tahun mereka memerintah ini lebih daripada itu yang mereka kenakan sehingga tanah 100,000 ekar mereka gadaikan itu halal.

Tuan Pengerusi: Itu tidak timbul.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Itu bukan gadai. Telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi bahawa itu bukan gadai.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau bercakap di bawah Maksud mana?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Di bawah Butiran 4100, peruntukan tambahan.

Tuan Pengerusi: Baik, teruskanlah.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Jadi, kalaulah kita dibenarkan untuk memberi pendapat dan berhujah, berilah peluang kepada saya pula untuk memberi pendapat dan penjelasan. Jangan mengganggu. Ini tidak gentleman namanya.

Tuan Pengerusi, tentang wang \$100,000 yang dimohon oleh rakan-rakan daripada DAP, wakil dari Menglembu tadi tidak ada dalam Dewan, bila dengar riuh-riuh, baru masuk ke dalam Dewan (*Ketawa*).

Tuan P. Patto: Apa ini, tidak ada kena-mengena? Kalau hendak ajak saya berdebat, boleh.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Macam mana saya hendak bercakap? Semasa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan dari Baling tadi bercakap, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tidak ada dalam Dewan. Bila saya hendak jawab, dia bising, dia ganggu.

Tuan P. Patto: Kalau Ahli Yang Berhormat mahu bercakap darihal saya, cakap! Tidak ada modalkah?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ini bukan tidak ada modal. Untuk pengetahuan, Tuan Pengerusi, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tadi minta wang \$100,000 yang didapati oleh Ahli-ahli Barisan Nasional ini dipanjangkan kepada Ahli-ahli DAP dan PAS. Saya katakan perkara ini boleh kita runding dengan syarat sama-sama kita duduk dalam Barisan Nasional. Bukan sahaja \$100,000 macam saya katakan tadi \$200,000 pun boleh kita cadangkan kepada Ahli-ahli yang masuk menyebelah kepada kita.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan dan pendapat saya tentang hujah-hujah yang mereka katakan di Butiran 4100 yang tertera dalam kertas ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

5.35 ptg.

Tuan Lee Kaw (Kluang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan perkara dalam Maksud B. 33, Butiran 4100 di mana Timbalan Menteri ada meminta \$950 juta.

Saya terperanjat apabila seorang Ahli Yang Berhormat berkata jikalau Ahli-ahli dari Parti Pembangkang masuk Barisan Nasional \$200,000 atau \$2 juta pun boleh diberi.

Tuan Pengerusi: \$2 juta saya tidak dengar (*Ketawa*).

Tuan Lee Kaw: \$2 juta tidak dengar? \$200,000 saya ada dengar.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lee Kaw: Tengok muka kami, boleh dibeli dengan \$200,000? (*Ketawa*). Inilah Barisan Nasional memakai wang untuk membeli semua.

Tuan Pengerusi, wang ini adalah wang rakyat yang diberikan kepada tiap-tiap negeri. Apa yang DAP minta ialah untuk projek-projek yang akan diberi kepada rakyat supaya adil? Tetapi adakah Barisan Nasional adil? Saya boleh beri contoh.

Sebelumnya pilihanraya tahun 1978 pemimpin-pemimpin Barisan Nasional melawat kawasan Kluang dan memberi beberapa projek. Projek ini berjalan, bukan tidak berjalan tetapi sesuatu projek mengambil masa yang panjang. Sebelum projek itu siap, pilihanraya habis dan keputusan pun keluar. Satu hari sahaja selepas keputusan pilihanraya, mesin-mesin sudah diangkut balik. Adakah ini adil? Bukankah ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional memberi wang kepada rakyat kerana hendak membeli undi? Sehingga hari ini . .

Tuan Pengerusi: Cerita Kluang ini saya sudah dengar 3 kali (*Ketawa*).

Tuan Lee Kaw: Itulah sebabnya apabila saya dengar, saya tidak tahan. Ini tidak adil. Sehingga sekarang ini di Kluang jalan-jalan sudah dibina setengah sahaja, setengah lagi belum dibuat. Batu-batu masih ada di situ, mesin-mesin sudah dibawa balik. Apa halnya ini, Tuan Pengerusi?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Apa ini?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Ahli Yang Berhormat dari Kluang itu

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kluang beri jalan atau tidak?

Tuan Lee Kaw: Saya beri jalan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia beri jalan!

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu bercakap fasal dasar am, kita sedang dalam peringkat Jawatankuasa (detail) sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Tidak mengapa, itu jagaan saya (*Ketawa*).

Tuan Lee Kaw: Dukacita, orang Johor pun tidak tahu kuasa ini ada dalam tangan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ya. Saya suka Dewan hidup macam ini (*Ketawa*).

Tuan Lee Kaw: Tuan Pengerusi, saya harap peruntukan ini boleh diberi kepada semua projek dengan tidak mengira kawasan, tidak mengira di mana ada Pembangkang atau parti pemerintah tetapi jikalau rakyat susah, mestilah beri projek di tempat itu. Itulah yang saya minta, wang daripada rakyat. Saya pun membayar cukai. Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pun membayar cukai, ramai rakyat di Malaysia di kawasan saya membayar cukai tetapi janganlah Barisan Nasional gunakan kuasa dengan wang ini yang rakyat terpaksa mengundi Barisan Nasional. Ini bukan adil, ini bukan demokrasi.

Saya harap lagi sekali, Tuan Pengerusi, kita mesti rational bagi projek-projek untuk rakyat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.41 ptg.

Tuan Hahim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan tambahan yang diminta oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi di bawah Maksud P. 31, P. 33 dan juga P. 34.

Tuan Pengerusi, peruntukan ini adalah sangat mustahak dan perlu yang mana di bawah Maksud P. 31, Butiran (Projek) 13—Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia, adalah satu Bank yang baru yang mana kita percaya dengan wujudnya ini maka lebih banyak lagi industri-industri dapat diwujudkan di dalam negara kita terutama sekali bagi golongan bumiputra dapat mengambil bahagian bersama di dalam perusahaan-perusahaan atau industri-industri yang akan wujud di dalam Malaysia nanti.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Maksud P. 34 mengenai Pejabat-pejabat Kastam dan Rumah-rumah Kediaman. Ini adalah wajar dan sesuai kerana Jabatan Kastam dan pegawai-pegawainya inilah satu-satunya pejabat yang memberi ongkos yang banyak kepada Kerajaan. Maka sesuai benar bagi pihak Kerajaan memberi peruntukan yang begitu besar berjumlah \$7.56 juta lebih kepada Jabatan ini untuk memperelokkan dan meninggikan taraf. Dengan yang demikian, kita percaya pegawai-pegawai daripada Jabatan ini boleh bekerja dengan lebih gigih dan lebih tekun lagi untuk mencari lebih banyak wang untuk mengawasi pendapatan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada P. 33 berkenaan dengan wang pembangunan yang menjadikan Dewan ini begitu hangat. Nampaknya mereka daripada parti Pembangkang yang bercakap tadi iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling Kota Melaka dan juga akhirnya dari Kluang tidak tahu maksud pembangunan. Saya mengajak mereka bertiga datanglah ke kawasan saya di Ulu Muda di mana pembangunan tidak ada. Maka sewajarnya bagi Kerajaan Barisan Nasional memberi peruntukan ini kepada kawasan-kawasan yang mana kita Wakil Rakyat yang datang daripada pendalaman ini. Kalau kita bandingkan dengan kawasan Petaling yang ada serba-serbi, di Petaling elektriknya banyak, jalanraya banyak, bangunannya banyak, industrinya banyak, serba-serbi banyak. Begitu juga di Kluang, Wakil dari Kluang tadi membangkitkan katanya dia dapat jalan setengah—alhamdulillah, dapat jalan setengah. Kami daripada Barisan Nasional belum dapat jalan lagi, jalan pun tidak ada.

Jadi dalam peruntukan \$100,000 yang diberi itu nampaknya dia marah sangat. Saya tidak dapat apa lagi, dengan \$100,000 pun tidak boleh buat jalan setengah. Wakil dari Kluang telah dapat setengah, bersyukur; lagi sekali pilihanraya, lagi setengah kita buat (*Ketawa*). Jangan takut Wakil dari Kluang, kita buat setengah; dekat pilihanraya, kita buat lagi setengah. Soal sokong atau tidak sokong, kita tidak kira.

Demikian juga saya selalu lalu di Ipoh dan Menglembu, saya tengok banyak pembangunan di Menglembu. Tidak usahlah ingat \$100,000 itu, sedikit sangat yang diberi. Senang sahaja, mereka ini nampak beria-ia sangat hendakkan \$100,000 ini. Kita boleh beri—senang sahaja, tidak usah masuk Barisan Nasional, cuma Ahli dari Petaling, Kluang masuk MCA atau Gerakan. Menglembu masuk MIC (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan. Mereka menuduh . .

Tuan Pengerusi: Sabar! sabar! Di bawah Peraturan Mesyuarat 37 jangan ganggu orang lain bercakap. Kalau hendak apa-apa, hadapkan kepada saya.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya yang dilibatkan atau kawasan saya yang dilibatkan?

Tuan Pengerusi: Ya, kawasan sahaja terlibat. Duduk!

Tuan P. Patto: Saya terpaksa jawab balik.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh jawab. Duduk!

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Pengerusi, mereka membangkitkan Kerajaan Barisan Nasional ada abuse of power dan mereka hendak challenge. Sudah berapa kali mereka challenge kita di Court tetapi challenge itu challenge kosong sahaja. Kalau tidak puas hati, boleh challenge di mana juga, kita gentleman, bersedia hendak terima challenge itu.

Tuan Pengerusi, sahabat saya dari Baling tadi ada membangkitkan yang kita juga ada abuse of power. Peruntukan ini hanya untuk prestige Wakil Rakyat yang mana ini adalah tidak betul. Kita tidak pernah beri peruntukan untuk jamuan-jamuan yang mana itu adalah perkara yang tidak pernah dibuat oleh Wakil-wakil Rakyat tetapi masalah jersey kepada belia-belia memang kita beri, kerana kita percaya pembangunan rohani dan jasmani mesti dipandang tinggi oleh Kerajaan Barisan Nasional. Maka sebab itulah kita beri peruntukan kepada jersey-jersey supaya pemuda-pemuda kita boleh bermain supaya

badan tegap, kuat dan sebagainya. Dalam pilihanraya boleh kempen, kita jatuhkan PAS dan DAP (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya tidaklah hendak mengambil bahagian yang panjang di dalam Dewan ini tetapi apa yang dituduh oleh mereka itu tidak benar dan tidak semestinya, kerana pembangunan di negeri saya di dalam kawasan PASlah yang lebih banyak kalau kita bandingkan dengan kawasan Barisan Nasional ataupun kawasan UMNO tetapi Wakil dari PAS yang bercakap tadi patut bersyukur kerana khasnya daripada parti PAS mendapat segala rancangan pembangunan. Rancangan Perairan Muda di dalam kawasan Kota Setar, maka sebab itulah dia patut bersyukur dengan peruntukan yang diberi ini, banyak pembangunan bukan di kawasan Barisan Nasional semata-mata tetapi kawasan parti Pembangkang juga.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya sokong seratus peratus kepada peruntukan tambahan yang diberi sebagaimana yang diminta oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Hendak apa, Yang Berhormat dari Petaling?

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak bercakap sedikit.

Tuan Pengerusi: Tadi sudah bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Banyak point telah dibangkitkan

Tuan Pengerusi: Sabar! Kalau di bawah Kementerian dan Maksud ini juga, tidak bolehlah bercakap lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Mengikut Standing orders

Tuan Pengerusi: Betul, saya tahu—Standing Order 67.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan 67; 35.

Tuan Pengerusi: Ya, Peraturan Mesyuarat 35 berkenaan dengan bercakap lebih daripada sekali melainkan di dalam Jawatankuasa, dan saya ada kuasa untuk menetapkan waktu dan waktu untuk tiap-tiap seorang hendak

bercakap dua kali dalam satu Maksud—tidak boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, ini sangat mustahak, oleh kerana

Tuan Pengerusi: Nanti boleh bercakap di masa lain. Di masa ini tidak boleh. Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

5.48 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Maksud B. 33, Butiran 4100 mengenai peruntukan \$950 juta yang dipertikaikan dalam Dewan ini.

Ada sedikit kekeliruan barangkali di kalangan Ahli-ahli Pembangkang. Mereka barangkali memikirkan wang \$100,000 yang diberi kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional itu diberi dalam bentuk wang tunai (cash) yang boleh kita belanjakan secara sesuka hati kita untuk tujuan pembangunan dalam kawasan masing-masing. Kalau inilah anggapan Ahli-ahli DAP yang barangkali kerana anggapan inilah maka mereka begitu ghairah meminta wang ini juga diberi kepada mereka. Saya mengatakan bahawa anggapan ini tidak benar.

Kita Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional walaupun diberi peruntukan \$100,000 untuk dibelanja setiap tahun bagi tujuan pembangunan, kita sendiri satu sen pun tidak melihat duit itu. Apa yang sebenarnya berlaku ialah duit itu diberi kepada Pegawai Daerah yang bertanggungjawab di kawasan masing-masing dan kami hanya boleh meluluskan satu-satu peruntukan pembangunan yang diminta oleh rakyat di kawasan masing-masing. Wangnya tidak dapat kepada kita, jadi tidak usahlah ghairah sangat dan janganlah mengatakan kami Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional ini setiap tahun kaya \$100,000—tidak begitu maksudnya.

Jadi janganlah irihati terhadap peruntukan \$100,000 ini. Bagi kami sebenarnya ini merupakan satu tanggungjawab, suatu beban, bukan suatu asset yang boleh kita megah-megahkan oleh kerana ini adalah tanggungjawab kami kepada rakyat dan setiap

yang diminta oleh rakyat terpaksa kami nilaikan permintaan itu satu persatu dan ini bererti tambahan tugas dan tanggungjawab kepada Ahli-ahli Barisan Nasional yang tidak semestinya ditanggung oleh Ahli-ahli Pembangkang.

Lagi pula, kalau sekiranya kemudahan untuk melulus peruntukan \$100,000 bagi tujuan pembangunan ini dipanjangkan kepada DAP, saya tidak percaya bahawa DAP boleh menggunakan wang ini untuk tujuan seperti yang dimaksudkannya iaitu untuk membantu pembangunan di dalam satu-satu kawasan tanpa mengira sama ada kawasan itu kawasan Melayu, kawasan Cina atau kawasan India, oleh kerana kita tahu bahawa falsafah DAP dalam segala hal, approach DAP dalam segala hal adalah favour kepada satu kumpulan kaum yang tertentu dan melupakan sama sekali kaum yang lain.

Kalau amalan secara ini dilanjutkan dan diaplikasikan ketika membelanjakan peruntukan wang \$100,000 ini maka maksud asal tujuan peruntukan itu diberi tentulah tidak akan tercapai.

Mengenai hal PAS pula ini satu keganjilan. Oleh kerana kita tahu PAS adalah anti pembangunan, pembangunan physical. Dalam pilihanraya, mereka bercakap menentang pilihanraya, mereka bercakap menentang perigiraya, mereka bercakap menentang masjidraya, mereka bercakap menentang apiraya, airaya, segala macam raya. Bagaimana mereka boleh datang ke Dewan ini menuntut supaya mereka juga diberi peruntukan \$100,000 untuk pembangunan sedangkan mereka sendiri menentang falsafah pembangunan.

Bagi mereka ini adalah satu yang disifatkan keduniaan. Sesuatu yang bersifat keduniaan itu tidak

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan kalau maksud Ahli PAS itu hendak mengganggu ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Baik, teruskan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, kalau pihak PAS sudah siang-siang dan sudah

secara publicly mengisytiharkan di dalam pilihanraya demi pilihanraya bahawa apa yang mereka utamakan ialah rohaniah maka mereka patut melupakan soal menuntut supaya mereka diberi kemudahan untuk meluluskan projek-projek yang bersifat keduniaan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
Tetapi saya tidak menyebut perkara ini.

Tuan Pengerusi: Perkara yang tidak disebut jangan dibangkit-bangkitkan. Teruskan sahaja Yang Berhormat dari Ulu Trengganu. Saya sudah katakan tadi sudah lama sangat kita kepada Kementerian ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak pendekkan saja. Oleh yang demikian, oleh kerana peruntukan yang diberi ini bertentangan dengan falsafah dan approach PAS sendiri di dalam masalah pembangunan maka adalah wajar mereka tidak diberikan kemudahan supaya meluluskan peruntukan yang bersifat keduniaan seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.54 ptg.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun bercakap menyokong dan bertelagah antara satu sama lain mengenai peruntukan tambahan bagi Kementerian Kewangan.

Saya tidak akan membangkitkan semua perkara yang telah dibangkitkan, hanya menyentuh perkara-perkara yang utama yang lain-lain itu akan diambil perhatian dan di mana yang praktik akan cuba dilaksanakan bagi melicinkan perjalanan Kementerian Kewangan.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kangar, juga Yang Berhormat dari Petaling dan seterusnya semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikutnya telah bangun bercakap tentang soal Butiran 4100 di mana melibatkan juga perbelanjaan yang dibuat untuk

peruntukan di kawasan-kawasan Parlimen Ahli-ahli Barisan Nasional sebanyak \$100,000 sekarang.

Saya tidak hendak menokok tambah kepada apa juga pertelingkahan yang telah berlaku tetapi pada pendapat saya perkara ini telah dibawa kepada satu proportion yang begitu melebihi (it has become out of proportion) kepada keadaan yang sebenarnya.

Kalau kita ingat semula kepada Belanjawan yang telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tidak berapa lama dahulu, kita perhatikan bahawa Kerajaan telah memperuntukkan \$9,856 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Maka saya berharap dengan pendek kata usahlah lagi Parti Pembangkang membangkit-bangkitkan dan membesar-besarkan satu jumlah perbelanjaan yang lebihkurang hanya \$10 juta dan membangkitkan ini out of proportion sehingga menafikan, menidakkan perbelanjaan \$9,856 juta yang telahpun disediakan untuk pembangunan di dalam tahun 1980. Jadi oleh kerana out of proportion, perkara ini saya rasa tidak usahlah saya jawab dengan panjang lebar, kerana kalau tidak salah saya ini telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri dan saya sendiri ada menyentuh perkara ini baru-baru ini bila saya mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Ingin saya menyentuh bahawa tidak ada apa-apa halangan kepada Ahli-ahli Parlimen dari Parti Pembangkang untuk mengesyorkan projek kecil atau projek besar dalam kawasan masing-masing untuk pertimbangan oleh pihak-pihak berkuasa di situ. Cuma yang lebih sedikit kepada M.P. Barisan Nasional ialah ada satu jumlah \$100,000 untuk diarahkan penggunaannya dengan seberapa segera yang boleh. Ahli yang tidak daripada Barisan itu bolehlah mengemukakan dan kalau wajar, saya percaya akan dipertimbangkan oleh pihak-pihak berkuasa sama ada Majlis Tindakan Daerah, kerana kita bersikap adil—memang Kerajaan adalah adil dan pegawai-pegawai Kerajaan juga adil. Kalau permohonan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang itu dianggap wajar, sudah pasti tidak akan

diketepikan begitu sahaja bahkan saya rasa tidak ada timbul keadaan di mana oleh kerana permohonan timbul daripada Parti Pembangkang ditolak begitu sahaja, kerana kita insaf yang hendak itu rakyat tetapi janganlah pula kerana \$100,000 ini diketepikan pula usaha Kerajaan yang membangun yang begitu besar yang Ahli Pembangkang sendiri juga sama-sama meluluskannya dan menyokong tempoh hari.

Saya harap dengan ini tutuplah ceritanya, kerana kalau out of proportion maka terselewenglah kita daripada asas sebenarnya. Saya menyokong juga apa yang dikatakan oleh Ahli dari Balik Pulau tadi. Saya terkejut juga mendengar Ahli dari Kota Melaka minta kita beri Parti Pembangkang chance untuk memerintah supaya hendak lihat keadilan. Sudah lima kali pilihanraya, tidak juga diberi chance oleh rakyat kepada mereka, jadi macam mana hendak buat. Sedih jugalah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling, Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Ahli Yang Berhormat dari Baling telah membangkitkan soal supaya ditambah 5% yang diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membayar balik atas pengendalian projek-projek Federal yang telah dijalankan di negeri-negeri masing-masing. Inginlah saya membuat dua penjelasan.

Pertama, projek-projek Federal atau projek-projek Persekutuan yang dijalankan di negeri-negeri ini dalam jangka masa panjangnya memberi keuntungan dan faedah kepada rakyat dan kepada pentadbiran dan Kerajaan Negeri itu sendiri dan bolehlah dikatakan apabila kita memberi bayaran balik 5% itu tidak bermakna bahawa kita membebankannya dengan 95% yang lain. Bahkan apa yang boleh ditimba balik oleh negeri-negeri ini dalam jangka masa panjang akibat wujudnya projek-projek Federal di situ jauh lebih besar nilainya.

Lagi satu perkara seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum baru-baru ini dalam Dewan yang bersidang sekarang kita telah meluluskan bersama-sama pindaan-pindaan yang dibuat kepada Pemberian Tambahan Hasil (Revenue Growth Grant) di mana kita telah mengubahsuai formula memberi Revenue Growth Grant ini di mana diambil

kira dengan pasti bahawa negeri-negeri yang kurang membangun itu diberi proportion yang lebih daripada baki pemberian selepas diambil kira pemberian pukul rata. Begitu juga seperti Ahli Yang Berhormat akan ingat kita telah meminda kira-kira yang dibuat ke atas membaiki atau menyelenggara jalan raya di mana kita telah menaikkan kadar-kadar ini supaya kadar yang diberi balik itu adalah dalam nilai kos sebenar (actual cost). Ini membantu negeri-negeri dalam mendapatkan peruntukan. Yang lebih penting, Tuan Pengerusi, dalam tiap-tiap peruntukan Rancangan Lima Tahun dan dalam tiap-tiap peruntukan pembangunan kita, kita perhatikan Kerajaan Persekutuan memang membuat peruntukan yang berasaskan keadilan antara negeri-negeri. Di mana negeri itu mundur, di mana punca-punca resourcesnya atau punca-punca keluarannya kurang atau tidak ada maka Kerajaan Pusat cuba mengwujudkan dinamis ekonomi dalam negeri itu melalui cara-cara yang lain.

Kita telah wujudkan banyak rancangan-rancangan pembangunan daerah atau pembangunan wilayah (regional development) semata-mata untuk membangunkan negeri-negeri yang kurang maju. Jadi saya percaya ini akan dapat mengingatkan semula kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan memang mengambil berat tentang kemajuan negeri-negeri yang kurang maju ini dan memberi apa jua bantuan yang boleh supaya dalam masa jangka yang panjang negeri-negeri mundur ini dapatlah meningkatkan dalam kadar pertumbuhannya dan boleh dikatakan hampir setaraf dengan negeri-negeri yang sudahpun maju.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan soal Bank Pembangunan yang berharapan Bumiputra mendapat faedah. Inginlah saya mengingatkan sekali lagi bahawa Bank Pembangunan ini telah ditubuhkan di antara Bank Negara dan Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan bantuan kewangan jangka panjang kepada perusahaan perkapalan dan juga lain-lain perusahaan di Malaysia dan Bank Pembangunan ini akan membantu perusahaan dalam negeri seperti memperkembangkan

dan meningkatkan teknologi dan pengeluaran dan juga membiayai semula eksport industri-industri ini supaya dapat mereka bertanding di dalam pasaran antarabangsa. Buat masa sekarang ini bank ini telahpun melancarkan kemudahan pembiayaan membaiki kapalnya dan bank ini juga sekarang sudah menyediakan beberapa skim pembiayaan perusahaan termasuklah credit pembekal dan pembeli jangka pertengahan dan juga jangka panjang bagi mengeksport kapal-kapal, mesin, peralatan dan juga lain-lain barang modal yang dibuat di Malaysia. Kita harap dengan adanya bank ini dapatlah maju lagi sektor perindustrian kita.

Disebabkan banyak sangat bertelagah tadi, tidak banyak point yang timbul.

Tentang masalah diesel yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar tadi, ini adalah diambil perhatian oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan pihak PETRONAS supaya dapat menyelenggarakan pengagihan minyak dan diesel ini dengan lebih baik.

Tentang pinjaman kenderaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar telahpun saya terangkan tempoh hari bahawa pinjaman kenderaan seperti juga pinjaman perumahan bukan tujuan untuk membiayai sepenuhnya kos membeli kereta ataupun kos membeli rumah. Dia hanya dianggap sebagai satu tokok tambah kepada kumpulanwang yang patut diadakan sendiri, dikumpulkan oleh sesiapa juga ingin meminjam. Jadi namun demikian, Kerajaan sedar bahawa dengan meningkatnya harga kereta dan sebagainya mungkin perlu diteliti semula jumlah pinjaman yang diberi dan ini akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan. Saya rasa, Tuan Pengerusi, itulah sahaja perkara yang sebenarnya dibangkitkan, lain daripada itu cumanya jawab menjawab dan saya rasa teranglah jawapan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan dan juga pertelagahan yang dibuat oleh Ahli-ahli dari parti Pembangkang.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dan telah juga merencanakan sedikit Dewan yang agak

mula-mula tadi muram sehingga tidak ada koram.

Tuan Pengerusi: Ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bertelagah tadi, itu memang boleh; itu dasar perkhidmatan. Di bawah Peraturan Mesyuarat 67 itu memang dibolehkan bertelagah dalam dasar perkhidmatan, bukan dasar am. Itu dasar perkhidmatan mengikut maksud.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,915,200 untuk Maksud B. 31; \$135,363,388 untuk Maksud B. 32 dan \$970,000,000 untuk Maksud B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$28,000,000 untuk Maksud P. 31 dan \$7,560,921 untuk Maksud P. 34 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam.

Maksud B. 36 (Jadual)—

Maksud P. 36 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979)—

6.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan bagi Kementerian Perusahaan Awam tahun 1979 berjumlah \$30,141,800 di mana \$20,141,800 adalah Tambahan Pertama Belanja Mengurus di bawah Maksud Bekalan B. 36 dan \$10,000,000 adalah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah P. 36 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Anggaran Belanjawan Tambahan tersebut adalah seperti berikut:

Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, memerlukan sejumlah \$141,800 untuk menampung perbelanjaan sewaan, mengubahsuai serta membuat sekatan

ruang pejabat dan lain-lain perbelanjaan mengurus.

Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) memerlukan peruntukan tambahan sebanyak \$20 juta sebagai subsidi untuk modal tambahan pembelian padi.

Peruntukan sejumlah \$10 juta adalah pinjaman kepada Syarikat Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad (M.S.E.) bagi menampung sebahagian daripada kos operasi syarikat tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan, peruntukan tersebut diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud B. 36 dan Maksud P. 36 di bawah Kementerian Perusahaan Awam sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.07 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Butiran (Kod) 2400 tentang Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di mana peruntukan tambahan sebanyak \$141,800 adalah dikehendaki bagi perbelanjaan Mengurus bagi pejabat Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang telah dipindahkan dari Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam ke Bangunan Wisma Pahlawan, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Atas perkara ini, saya suka menyentuh tentang perkara pentadbiran di dalam Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan ini bahawa oleh kerana pada masa ini Bandaraya Kuala Lumpur masih menghadapi masalah tentang pengangkutan awam ataupun masih menghadapi satu masalah mengenai bagaimana kita dapat membaiki sistem pengangkutan awam di Bandaraya Kuala Lumpur, saya suka mengesyorkan supaya Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dapat menimbang untuk mengeluarkan lebih

banyak lesen-lesen teksi kerana ini adalah satu cara yang boleh membaiki sistem pengangkutan awam.

Perkara yang kedua, yang saya ingin menyentuh ialah saya difahami bahawa satu Yunit Rayuan telah ditubuhkan dalam Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dengan tujuan untuk menerima dan mempertimbangkan rayuan-rayuan yang disampaikan kepada yunit itu oleh pemohon-pemohon lesen teksi yang telah gagal dalam permohonan mereka.

Saya suka mengesyorkan bahawa Yunit Rayuan dalam Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dapat memberi pertimbangan sewajarnya kepada tiap-tiap rayuan yang disampaikan kepada yunit itu oleh kerana saya memahami boleh dikatakan bahawa 90% pemohon-pemohon teksi yang menyampaikan rayuan mereka adalah pemandu-pemandu teksi yang sah (genuine) dan oleh kerana mereka benar-benar bergantung kepada semata-mata memandu teksi untuk mencari nafkah, saya berharap bahawa Yunit Rayuan dalam Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dapat mempertimbangkan rayuan mereka dan meluluskan rayuan itu.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

6.10 ptg.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Pengerusi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar iaitu berhubung dengan teksi di Bandaraya, memang kita sedari tentang keperluan teksi yang masih lagi kekurangan di Bandaraya Kuala Lumpur dan perkara ini memang diambil perhatian oleh pihak Kementerian dan hingga sekarang ini beratus-ratus permohonan dibuat oleh pemohon-pemohon teksi untuk mendapatkan teksi. Dengan dasar yang kita buat baharu ini iaitu "memandu sendiri" bermakna dasar ini akan berjalan terus dan rayuan-rayuan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, walaupun rayuan-rayuan ini telah dibuat sebelum dasar ini dijalankan tetapi keputusan yang akan dibuat dalam rayuan ini akan

berdasarkan kepada keputusan yang ada sekarang iaitu seorang pemandu teksi hendaklah membawa teksi sendiri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat itu sendiri, rayuan-rayuan teksi telahpun kita senaraikan dan daripada 192 rayuan setakat bulan Oktober yang kita telah terima daripada pemohon-pemohon teksi, setelah rayuan-rayuan itu dibuat, diselidiki berdasarkan kepada dasar yang kita ada sekarang hanya lebih kurang 140 akan diluluskan. Jadi semua yang diluluskan itu setelah dikaji bahawa seorang itu betul-betul akan menjalankan teksinya sendiri dan yang tidak diluluskan adalah terdiri daripada perkongsian yang tidak digalakkan lagi dan juga pemohon-pemohon yang sudah ada mempunyai teksi. Itulah sahaja penerangan kepada Yang Berhormat itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$20,141,800 untuk Maksud B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$10,000,000 untuk Maksud P. 36 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengemukakan anggaran tambahannya.

Maksud P. 37 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979—

6.14 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1979 bagi Kementerian Kesihatan di bawah Maksud P. 37 diluluskan menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Kementerian ini hanya berkehendakkan sedikit sahaja kelulusan iaitu peruntukan sebanyak \$10 bagi tahun 1979 untuk menyelesaikan pembayaran pampasan kerana mengambil balik tapak tanah untuk Hospital Daerah Yan seluas lebih kurang 25 ekar.

Saya suka memaklumkan bahawa sebanyak \$4,531,319 telah diluluskan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga bagi pembinaan Hospital Daerah Yan untuk menepati dasar Kerajaan mengadakan sebuah hospital di setiap daerah. Pada tahun 1978 sejumlah \$131,319,000 telahpun dibelanjakan untuk pengambilan tanah dan Kementerian ini menyangka bahawa urusan pengambilan tapak tanah sudah beres tetapi pembayaran sebanyak \$6,010.00 masih lagi dikehendaki untuk memindahkan beberapa buah rumah yang terletak di atas tapak tanah yang berkenaan. Dengan hal yang demikian, peruntukan tanda tersebut adalah diperlukan untuk membolehkan pindahan peruntukan (virement) sebanyak \$6,010.00 untuk mengambil balik sepenuhnya tapak untuk Hospital Daerah Yan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 37 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan.

Maksud B. 38, B. 41, B. 42 dan B. 43 (Jadual)—

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin AL-haj): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi mengusulkan supaya Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Maksud Bekalan 38, 41, 42 dan 43 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran di bawah Maksud Perbelanjaan Tambahan dimaksudkan tadi adalah seperti berikut:

- (i) B. 38 sebanyak \$236,000 bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

- (ii) B. 31 sebanyak \$6,000 bagi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan;

- (iii) B. 42 sebanyak \$1,375,343 bagi Jabatan Pendaftaran Negara; dan

- (iv) B. 43 sebanyak \$1,800,000 bagi Jabatan Penjara.

Bagi Maksud B. 38 iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sejumlah 236,000 telahpun dipohon oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menampung kekurangan yang mustahak dilaksanakan di bawah Butiran 4100. Daripada jumlah di atas sebanyak \$141,000 adalah sebagai caruman tahunan Kerajaan serta tambahan bagi menampung pembayaran gaji Setiausaha-setiausaha PEMADAM peringkat negeri dan juga sumbangan Tabung Mengawal Salahguna Dadah Bangsa-bangsa Bersatu dan sebanyak \$95,000 bagi mengurus projek Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Kebangsaan Malaysia 1979. Jumlah peruntukan tambahan yang disebutkan tadi didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Bagi Maksud B. 41—Jabatan Pendaftaran Pertubuhan peruntukan sebanyak \$6,000 adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan melaksanakan kerja-kerja pembaikan, pembersihan dan mengecat semula bangunan yang dahulunya digunakan sebagai pejabat Suruhanjaya Pilihanraya. Bangunan tersebut adalah dikehendaki untuk dijadikan sebagai pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Jumlah ini didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka juga.

Maksud B. 42 iaitu Jabatan Pendaftaran Negara tambahan sebanyak \$1,375,343 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berkenaan dengan pemindahan Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara ke Bangunan PKNS, Petaling Jaya. Perbelanjaan juga adalah dikehendaki untuk pemindahan Bahagian Pentadbiran dan sebahagian daripada Bahagian Beranak dan Mati dari Pejabat Pendaftaran Taiping ke Pejabat Pendaftaran Negeri Perak di Ipoh untuk tujuan percantuman. Jumlah ini juga telah didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Bagi Maksud B. 43—Jabatan Penjara, tambahan sebanyak \$1,800,000 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berikut, iaitu \$1,650,000 di bawah peruntukan “Emolumen” bagi menampung pembayaran tunggakan kepada kakitangan Institusi-institusi Penjara Sabah dan Sarawak berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Kabinet. Yang keduanya \$150,000 untuk membiayai kerja-kerja membaiki dan menyelenggara bangunan-bangunan Institusi Penjara di negeri Sarawak. Jumlah ini juga didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengusulkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Maksud B. 38, B. 41, B. 42 dan B. 43 terbuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Kangar.

6.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan dalam B. 38, Butiran 4100 berkenaan dengan pembayaran kepada 7 orang Setiausaha PEMADAM Negeri.

Pertama, saya berasa hairan sedikit kerana negara kita Malaysia ada 13 negeri, kalau dilihat di sini 7 Setiausaha Lembaga PEMADAM Negeri, bermakna boleh jadi 7 ditubuhkan ataupun boleh jadi yang 6 lagi negeri dalam Malaysia ini harus tak berkehendak, jadi ini saya tidak dapatlah hendak pastikan dan saya berharap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Memandangkan dadah ini adalah satu perkara yang amat bahaya kepada negara kita hari ini walaupun berbagai-bagai hukuman telah dibuat, hukuman penjaga seumur hidup yang kita tengok dalam akhbar pada hari ini, namun begitu penyakit dadah, bahaya dadah, pengedar dadah ini tak habis-habis. Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian yang berkenaan memandang perkara ini amat serius dan kalau boleh biarlah yunit khas

ditubuhkan kepada PEMADAM ini, bukan sahaja kepada peringkat negeri bahkan ditubuhkan juga ke peringkat daerah dan peringkat mukim dan tindakan-tindakan yang tegas mesti diambil.

Saya mencadangkan biarlah yang bersalah dengan mengedar dadah, yang bersabit dengan PEMADAM itu kalau sekadar kita hendak nasihat, kuasanya tidak begitu kuat, tak tegas. Saya ingat tentulah tidak begitu berkesan. Dengan sebab itu macam saya cadangkan tadi, iaitu tubuhkan yunit khas, selain daripada hukuman yang diadakan pada hari ini patut sangat kepada orang-orang yang mendapat keuntungan daripada dadah itu, yang bersabit dengan PEMADAM di sini, harta-harta mereka ini juga patut dirampas, kerana kadang-kadang ada orang berpendapat biarlah aku kena jel walau sampai mati ataupun dijel seumur hidup dan kadang-kadang dijel sampai 12 tahun, aku masih meninggalkan harta berjuta-juta, kerana keuntungan, sekurang-kurangnya keluarga aku dapat senang dan berbagai-bagai lagi yang dianggap. Dengan sebab itu kita mesti mencari berbagai-bagai jalan.

Saya ingat tak ada daya usaha dan tak ada langsung terfikir yang peminat-peminat dadah ini akan menapak ataupun akan ada kemahuan kerana dia fikir kalau aku dapat gunakan duit daripada hasil dadah aku mesti mati. Bukan setakat mati, kalau aku tak mati, aku dapat hukuman seumur hidup ataupun aku akan dijel 10 tahun dan wang yang aku dapat kerana dadah pun dirampas habis. Jadi dia tahu kerana dadah ini aku tak akan dapat untung walaubagaimana saluran sekalipun.

Kalau setakat kita adakan PEMADAM, Tuan Pengerusi, saya tahu PEMADAM inipun tak ada wang. Saya bersetuju sangatlah dengan tambahan yang diberi khasnya negeri Perlis tetapi kalau setakat nasihat, orang ini tidak begitu terima. Sungguhpun begitu saya haraplah juga ditambahkan lagi beberapa orang pegawai yunit khas, kalau boleh Polis tolong bekerjasama adakah yunit khas dengan sebab PEMADAM ini. Dengan ini kita berharap akan menghalang sedikit dadah yang dimainkan oleh PEMADAM selain daripada badan-badan Kerajaan dan selain daripada undang-undang yang telah ditentukan.

Tuan Pengerusi, bercakap saya dalam segi B. 41, Butiran 2800 berkenaan Pendaftaran Pertubuhan. Kita bersyukur kepada Tuhan kerana negara kita demokrasi walaupun ada orang yang mengatakan berbagai-bagai tetapi kita telah membenarkan berbagai-bagai pertubuhan, baikpun pertubuhan politik, termasuk pertubuhan sukarela dan berbagai-bagai pertubuhan. Saya berpendapat janganlah kita banyakkkan sangat pertubuhan tetapi kita selidik dengan sehalus-halusnya tiap-tiap satu pertubuhan yang hendak masuk, yang hendak tubuh satu-satu pertubuhan apatah lagi kalau satu badan politik, kita bukanlah tak mahu bagi cara demokrasi, kita pun sudah cukup demokrasi. Tetapi saya berpendapat patut kita kaji dengan sedalam-dalamnya, janganlah ada satu pertubuhan pula yang mencurigai atas Kerajaan sendiri, baikpun parti politik ataupun badan-badan pertubuhan lain, baik badan-badan sukarela, badan-badan dakwah, apa badan sekalipun kita kaji dengan sedalam-dalamnya. Jadi janganlah bila sudah tubuh, siapa kalah, mereka berkata, kami ada pendaftaran, kami ada buat pertubuhan yang telah dibenarkan oleh Kerajaan. Dengan sebab itu saya harap sangat-sangat satu-satu pertubuhan yang akan didaftarkan hendaklah dikaji segenap segi, baik di segi perpaduan untuk menjaminakan perpaduan kita. Jangan ada pertubuhan yang berbau macam dakwah dan sebagainya, akhirnya membawa kepada propaganda, apatah lagi pertubuhan-pertubuhan belia yang setengahnya kadang-kadang saya percaya ada dengan dakwah dan sebagainya. Kita harapkan satu-satu pertubuhan itu akan membawa kebaikan, keharmonian kepada negara kita.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, mengenai B. 42, Butiran 2400—Pendaftaran. Saya yakin dengan pemindahan pejabat yang baru yang telah diadakan dalam perkara pendaftaran ini saya yakin dan percaya pendaftaran kita akan lebih baik lagi dan saya percayalah pihak pendaftaran kita akan mengawasi kalau adalah pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang kadang-kadang datang beranak ke negara kita, kemudian jadi rakyat negeri kita. Bukanlah kita ini terlampau tamak sangat tetapi saya percaya tentulah kita akan jaga betul-betul anak negeri kita yang beranak di sini yang itulah

akan menjadi rakyat. Dalam pada itupun saya percaya ada pihak-pihak kadang-kadang kita sendiri akan minta rayuan dan sebagainya tetapi yang kita harap ini jangan ada pihak yang cuba hendak menipu dengan beranak di sini dan kemudian menjadi rakyat Malaysia cara tipu, tetapi kalau cara betul-betul yang dibenar oleh Kerajaan kita ataupun melalui satu-satu jalan, saya tidaklah hendak membangkang atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan dengan harapan yang penuh sungguh-sungguh, terutama perkara B. 38 tadi kerana selagi penyakit dadah ini ada kita buatlah apa pun pembangunan, berjuta milion ringgit kita buat pun selagi perkara ini tidak boleh dihapuskan kita takut generasi kita yang akan datang akan mengancam negara kita. Kita carilah wang berjuta-juta, tidak cukup dengan peruntukan yang kita sudah buat pada tahun yang lepas kita minta tambah, tetapi walau macammana kita tambah sekalipun selagi generasi yang akan datang ataupun pemuda-pemuda yang akan mewarisi kita ini terlibat dengan penyakit dadah dan sebagainya yang saya katakan tadi yang dibenarkan dalam B. 38 ini kita amat takut.

Dengan sebab itu, saya harap apa yang saya syorkan ini dapat dijalankan dengan seboleh-bolehnya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Panti.

6.28 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja dalam Maksud B. 38, iaitu berhubung dengan wang yang dikehendaki sebanyak \$141,000 sebagai caruman tahunan Kerajaan berhubung dengan PEMADAM.

Saya ingin menimbulkan masalah ini di negeri Johor. Sehingga hari ini pihak PEMADAM negeri Johor dirasakan sangat kekurangan pegawai sedangkan dalam Belanjawan tahun 1980, saya lihat penambahan pegawai tidak ada, daripada 27 orang, untuk tahun 1980, pun 27 orang. Saya

harap kepada Kementerian ini tolonglah timbangkan, sebab negeri Johorlah boleh dikatakan yang paling teruk dilanda oleh ganja dan dadah ini. Saya harap Kementerian menimbangkan supaya pegawai PEMADAM ditambah lagi di Johor Bharu. Itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kalau tak ada lagi Yang Berhormat hendak bercakap, saya akan minta

Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb Disember, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.